

MENGHANCURKAN UMNO

Chedet.co.cc

August 6, 2011

By Dr. Mahathir Mohamad

1. Usaha sedang dibuat untuk melemahkan lagi UMNO supaya ia dapat dikalahkan dalam Pilihanraya Umum ke-13, bahkan jika boleh untuk menghancurkan UMNO sekarang ini juga.

2. Laporan dalam portal berita, oleh Muda Mohd Noor, menceritakan berkenaan Penawar, sebuah badan bukan Kerajaan yang disertai oleh beberapa bekas ahli Parlimen UMNO yang kononnya tidak puas hati dengan Dato Seri Najib sebagai Perdana Menteri.

3. Kononnya saya dibelakang gerakan untuk menaikkan Tan Sri Muhyiddin Yassin mengganti Najib.

4. Kesan dari laporan ini tentulah kecurigaan Najib terhadap timbalannya. Apabila Najib mempunyai sangkaan buruk terhadap Muhyiddin maka ahli-ahli UMNO pun akan berpecah dan memihak kepada Presiden atau Timbalan Presiden.

5. Pergolakan akan berlaku secara serius dalam UMNO dan ia akan menjadi lebih lemah untuk menghadapi Pilihanraya Umum ke-13.

6. Terdahulu dari ini seorang pemberita semasa sidang akhbar telah bertanya kepada Najib samada dia lebih Melayu atau lebih Malaysian.

7. Soalan ini sengaja dibuat kerana Muhyiddin biasa mendakwa yang dianya lebih Melayu daripada Malaysian.

8. Sebenarnya soalan ini patut ditujukan kepada semua rakyat Malaysia, termasuk pemberita yang bertanya. Apakah rakyat Malaysia pelbagai keturunan lebih utama kaumnya atau lebihutamakan kerakyatan Malaysiannya?
9. Ditujukan soalan ini kepada Najib ialah supaya dia menghadapi dilema. Jika dia menjawab dia lebih Melayu maka dia akan dituduh racist seperti tuduhan yang dilemparkan kepada Muhyiddin dan juga saya.
10. Sebaliknya kalau dia menjawab dia lebih Malaysian supaya tidak dituduh racist maka akan ternampak yang dia tidak secocok dengan timbalannya.
11. Jawapan Najib kepada soalan ini ialah dia tidak ingin dilihat tidak sependapat dengan timbalannya.
12. Secara tidak langsung ini bermakna dia lebih Malaysian, tidak seperti timbalannya yang menyatakan dia lebih Melayu. Sudah tentu ini akan menjadikan hubungan antara dua pemimpin UMNO lebih renggang.
13. Susulan daripada ini terdengar banyakkah berita angin berkenaan dengan renggangnya hubungan antara Najib dan Muhyiddin yang pasti akan memecahbelahkan UMNO lagi.
14. Hari ini terdapat banyak NGO Melayu ditubuh kerana ramai orang Melayu khatir berkenaan dengan masa depan mereka. Pihak tertentu yang ingin mengurangkan sokongan Melayu kepada UMNO ingin menentukan NGO Melayu ini tidak berupaya mempengaruhi kepimpinan UMNO supaya terus mendapat sokongan orang Melayu.
15. Strategi pihak tertentu ini ialah dengan membuat tuduhan bahawa

perjumpaan NGO ini sebenarnya bertujuan untuk menjatuhkan Najib, dan saya dan Muhyiddin adalah dalang yang bertanggungjawab, tentulah Najib akan mempunyai syak wasangka terhadap kami berdua dan NGO berkenaan.

16. Sekaligus laporan ini menakutkan Penawar dan NGO lain bahawa mesyuarat mereka akan disyaki oleh Najib bertujuan menjatuhkannya. Mereka juga akan terdedah kepada tuduhan yang mereka adalah orang Mahathir dan Mahathir ingin menjatuhkan Najib.

17. Dengan tuduhan-tuduhan dan laporan seperti ini maka orang Melayu akan takut berpolitik. Mereka akan terdedah kepada dakwah parti lawan yang memang pun ingin melihat mereka berpecah dan menjadi lebih lemah serta tidak dapat mempertahankan kepentingan orang Melayu sama sekali.

18. Saya ucap tahniah kepada mereka yang begitu cekap mengguna psikologi untuk menghancurkan UMNO dengan menimbulkan keraguan dan syak wasangka antara pemimpin-pemimpin UMNO dan ahli-ahlinya terhadap masing-masing dan terhadap kepimpinan UMNO sekarang.

19. Sebaliknya jika kita ingin tahu berkenaan siapa lebih Malaysian atau lebih utamakan kaumnya, kita patut tanya semua pemimpin-pemimpin semua parti politik dan NGO yang aktif dalam politik baik dari parti pemerintah ataupun parti lawan.

20. Mereka juga patut jelas apakah maknanya lebih Malaysian atau lebih utamakan kaum sendiri.

21. Saya sedar jawapan kepada soalan saya ialah saya racist (perkauman). Ini membuktikan ketandusan hujah yang boleh dikemukakan oleh mereka.

22. Saya pernah dilabel Malay ultra tetapi sepanjang saya menjadi Perdana Menteri apakah Melayu sahaja yang diberi layanan dan mendapat nikmat.

23. Apakah pembangunan Malaysia dihasilkan oleh orang Melayu semata-mata dan mereka sahaja yang meraih kekayaan.

24. Untuk tidak berat sebelah kita perlu mengumpul fakta yang benar berkenaan nikmat yang diperolehi rakyat Malaysia dan pembangunan Negara

86 Comments

1.

Suzaku_V's Gravatar Suzaku_V

September 7, 2011 at 3:27 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun,

Ingin saya menambah sedikit.

Pada saya dgn pertambahan NGO2 Melayu menunjukkan petanda baik iaitu orang2 Melayu sudah sedar akan kepentingan utk bersatu mempertahankan hak.

Negara kita merdeka juga disebabkan persatuan2 Melayu negeri bergabung dan menentang Malayan Union.

2.

Nikmat's Gravatar Nikmat

September 5, 2011 at 12:13 am | Permalink

Assalamu'alaikum wr wb

Tuan Guru Dr Mahathir yang di Rahmati ALLAH, semoga sihat dlm pemeliharaan Allah.

1. Org Melayu telah terbukti berjaya di banyak bidang.
2. Org Melayu telah terbukti menjadi saingan.
3. Org Melayu telah terbukti mempunyai idea 'brilliant'
4. Org Melayu terbukti mampu memperkasakan diri, malah boleh melonjak jauh ke hadapan lagi.
4. Terdapat idea org Melayu dikagumi oleh bukan Melayu.
5. MSC, LID, Tiongsat, Petronas, Proton, Kris dan banyak lagi adalah nikmat kepada rakyat Msia, hasil dari pemikiran orang Melayu.

Tahniah orang Melayu yang menganut agama Islam sebenar, bukan kepada penganut parti islam.

3.

arvinrakyat's Gravatar arvinrakyat

September 3, 2011 at 12:47 pm | Permalink

I would like to be a human 1st, then a Malaysian, a Selangorian, a Malaysian Indian, and very last of all, an Indian. AND I have to be proud of it. Tq.

4.

Khairul-Dean's Gravatar Khairul-Dean

August 29, 2011 at 4:11 pm | Permalink

Al-Lailatul-Qadr

(memburu anak bulan syawal)

allahumma solli wassalimun tasliman `alan-nabi

wa jibril wa mikaala wa malaikat ajma'in

malam lailatul-qadr malam kekasih

tenang di air jelas dunia

tenang di hati bersentuh kasih

i. Nuzul-Qur'an

(tujuh belas ramadhan)

who would read the words the spin the yarn of al-rawa the wordpirate
dear dr mahathir – it is to the doctor and a basmallah – 'tis from the
lanun bahasa

mouse clicking to chedetsblog he would sail forgetting dantes and the
chateau d'if

liberated words bringing reason to the aid of the imagination

and a window of music videos to give it a beat

pressing plastic pale alphabet key in the letters forming words walking
the plank a tale

who would want to read what the rawa wrote the doctor

when the greatest evil of all is thinking you know better

the lailatul qadr the qur'an ar-ruh and the malaikat
from the highest assembly they came if not by the sidratul munthaha
from of the sacred precinct of kaabah the baitullah it is live from
makkah
over all affair of their lord and the umrah of ramadhan is the glorious
of amal

it is by the act that leaves a mark the angels trace
it is ikhlas that reaches the lord al-ahad as-samad
the angels stayed and their duties fulfilled – allahu akbar
while it is subuh there in makkah it is duha here stands
in the remembrance of the sun the moon the day the night
the heavens and the earth the nafs and thamud
the dissenter the rasul and the she-camel the deceit and the kill
the destruction and al aziz
the duha of wealth and amal
the beauty of duha the morning after
the angels came ar ruh with salaam

ii. Malam Tujuh Likur
(apa khabar dunia jibril)

mencari wajah ar-rahmaan tuhan zhul jalali wal-ikram titisan air di
gelap
di luar pun reda memburu lailatiul-qadr irene meribut di seberang
dunia

hujan hujan hujan dan hari-hari redup hari basah lembap di udara
malam-malam ganjil begini tentunya berkhayal bertemu jibril
mahu melihat wajah kekasih guru baginda rasul amin nabi junjungan

tenang di air jelas dunia

tenang di hati tersentuh kasih

apakah yang mahu ku do'akan yang mahu ku bawa persembahkan
kepada mu kekasih ku ceritakan dunia yang jelas wajah al azizul
hakim

dunia riuh porak-puranda penuh ujian penuh cabaran penuh debaran

dunia si rawa terlantang rindu seindah bahasa kata-kata mustika

kata-kata menculik hati terpandang wajah ilahi

wajah ar-rahmaan tercari-cari di mana dalam dunia

yang inginkan dedamaian kelembutan

kerana melarat si majnun bukan salah si laila

wahai jibril apa khabar dunia

dan azan berkumandang di udara subuh

salaamun salaam

tenang di air jelas dunia

malam lailatul-qdar malam kekasih

iii. Ucapan

(di hari lebaran)

berpuasa kita sebulan ramadhan
berbuka kita segenap maghrib
bertarawikh kita sekhatam al-qur'an
bertakbir kita sempurna ratib

bergema takbir diiringi do'a dan ucapan
selamat menyambut aidil-firtri yang mulia
maaf zahir dan batin

and to the chief musician
music! Brothers In Arms
(Dire Straits)

5.

syeth shahrir's Gravatar syeth shahrir
August 29, 2011 at 12:27 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun Mahathir..

saya sokong kalau kita terpaksa jatuhkan pemimpin yang tak betul.
soalan saya adakah kita sudah betul ?

Tapi Tun, kalau masa pemerintahan dulu. lagi banyak rasuah,
saya bukan nak hentam sape2, kita kena sedar diri kita sape.

kita hamba Allah SWT, kita kena lebih patuh pada tuhan,

tengoklah sekarang apa dah berlaku dalam masyarakat malaysia,
pemerintah islam, majoriti pengundi islam dan

kita beragama islam, tapi kes buang anak, sumbang mahram, rasuah dan banyak perkara mungkar lagi telah berlaku dinegara kita. kita kena letak kayu pengukur antara negara kita dgn ARAB SAUDI, kerana negara itu menjalankan hukum islam. cuba fikir sejenak bekas pemimpin dulu yang disiasat atas kes rasuah. mereka itu dari sape punya ketua pemimpin negara.

saya rasa kita kena sedar dan kembali kepada suruhan tuhan, mencegah yang mungkar, dengan mengikut apa yang sudah tertulis didalam Al-Quran.

Semoga kita sama2 berjaya didunia dan akhirat.

6.

tauhu79's Gravatar tauhu79

August 23, 2011 at 4:38 pm | Permalink

Assalammualaikum wbt,

semoga tun & isteri sentiasa dalam rahmat Allah SWT dan diberikan kesihatan yang baik, selamat berpuasa & selamat menyambut hari raya aidilfitri buat tun & isteri.

7.

Oumono Man's Gravatar Oumono Man

August 22, 2011 at 8:55 pm | Permalink

Tun..sekali blogger MiloSuam sudah spin la Tun punya posting ni Dia cakap Tun mengaku jadi dalang nak jatuhkan DS Najib..

8.

razakibrahim's Gravatar razakibrahim

August 22, 2011 at 3:00 pm | Permalink

saya nak tanya komen Tun tentang gabungan MAS dan AirAsia..Baik ke tak?kenapa?Terima kasih Tun..

9.

antiputaralam's Gravatar antiputaralam

August 18, 2011 at 1:33 pm | Permalink

Salam untuk Tun dan isteri serta keluarga

"selamat berpuasa".

1. Kita kini ketandusan pejuang UMNO seperti di zaman zaman TUN dan sebelumnya. Memang kita ada ramai pemimpin dan ahli UMNO yang berpotensi besar tetapi mereka ini bukan semuanya PEJUANG SEJATI, mungkin nampaknya seperti pejuang tetapi pejuang "LABU LABI" lain di mulut lain di hati. Sehingga melayu dalam UMNO sedar diri terutamanya pemimpin teratas dalam parti, sehingga itulah kita akan terus mencari cari Perdana Menteri "such of your quality". Muak dengan semua ini ramai melayu yang telah sedar diri meninggalkan parti walaupun mereka pernah menyandang kedudukan di peringkat bahagian ataupun cawangan satu ketika dulu. Ini kerana pemimpin masih dungu dan enggan memahami tanggungjawab mereka. Pemimpin kita hari ini buta- buta mata, buta hati, buta untuk menilai mana yang baik dan yang buruk, yang harus dan yang haram, yang patut dan yang tak patut. Maka itu tak hairanlah kita ramai yang menyuarakan mengenai tingkah laku pemimpin mahupun tingkahlaku isteri mereka, tetapi ia tetap juga sama. Ini jelas menandakan mereka "BUTA".

2, Saya percaya TUN telah hidu perkara ini semasa TUN masih lagi PRESIDEN parti. Kata kata TUN "melayu mudah lupa", melayu HAPRAK dsb tidak dapat di fahami maksudnya secara mendalam oleh ahli UMNO sekalian. Hasilnya, sekarang UMNO bukan lagi WADAH perjuangan BANGSA tetapi UMNO lebih kepada PLATFORM perniagaan yang menguntungkan segelintir

sekutu dan proxi. Satu ketika dulu saya pernah memajukan permohonan untuk projek dengan kerajaan, oleh kerana falsafah bisnes saya "tidak RASUAH" saya gagal. Melalui kawan saya dengar orang UMNO di pejabat tersebut (pegawai khas) kata " dia ingat aku dapat duduk sini free ke". Ini jelas menunjukkan mereka keluarkan duit untuk dapatkan jawatan dalam UMNO dan kerajaan dan setelah itu masanya pula bagi mereka mendapatkan pelaburan yang mereka buat.... modalnya mungkin ratusan ribu sahaja tetapi keuntungannya berjuta juta. Diatas pentas mereka mereka ini hangat memperkatakan mengenai nasib bangsa dan yang serupa dengannya. Apakah yang dapat orang Melayu harapkan dari UMNO kini?

3. Menghayati perjuangan TUN saya amat yakin TUN sangat bersih semasa memimpin malangnya di zaman TUN masih memimpin ramai pemimpin UMNO lain dan kakitangan kerajaan kita KORUP. Orang yang bertanggungjawab menyebabkan melayu hilang arah samada dalam parti dan kerajaan ketika itu ialah saudara ANWAR(PEROSAK) . Dia ambil 10% untuk dirinya atas satu satu projek lepas itu dia kata Dr Mahathir nak. Sibuk ketika itu TUN di tuduh 10% man. PEROSAK UMNO inilah yang menyah UMNO melahirkan pejuang sejati malah menyebabkan kakitangan kerajaan terbawa bawa dengan fikiran ... ala takkan lah bos sorang aje boleh buat, bodohlah kita kalau kita kerja lurus bendol aje. Dan ini melarat sehingga peringkat bawahan. Maka mulalah di tahun 90an aktiviti mengambil rasuah mengambil tempat dan berkembang dari satu kementerian ke satu kementerian sehingga di jabatan jabatan di peringkat negeri dan daerah. Dengan pesatnya pertumbuhan aktiviti rasuah ini TUN mendapat buruknya manakala ANWAR mengambil munafaatnya untuk memburukkan lagi imej TUN . Cuma segelintir mereka yang menggunakan akal dan fikiran yang waras tidak termakan dengan hasutan AI ketika itu. Dalam UMNO pula mana mana ahli yang ikhlas berjuang disekat peningkatan mereka dari peringkat cawangan lain atau pun mereka ini menarik diri setelah meluat melihat gelagat pemimpin mereka di peringkat cawangan atau bahagian masing masing.

4. Jika UMNO di barisi oleh pemimpin dan pecacai yang hanya mementingkan WANG DAN RINGGIT DAN DUNIAWI SAHAJA tidak hairanlah tajuk sepertimana TUN bincangkan "MENGHANCURKAN UMNO" akan terus mengambil tempat sampai bila bila. "Pengadu Domba", "si kitul" dan macam

macam "Si" lagi akan terus lahir dalam UMNO sehingga PEMPIMPIN dan AHLI UMNO sendiri mengubahnya. Kita benci Israel tetapi kita lebih Israel dari Israel. Kita kata macam macam mengenai Ah Chai, Ah meng atau Mutu tetapi hakikatnya mereka lebih baik dari kita. Orang orang UMNO yang saya maksudkan di sini perlulah malu atas sikap jijik mereka. Jangan jadikan diri anda lebih rendah dari anjing atau seperti anjing. kalau pemimpin di singapura dan korea yang baru sahaja di peringkat di tuduh merasuah sanggup bunuh diri kerana maruah buruknya di ketahui umum dan malu akan dirinya, adakah kita masih nak kata kita orang islam yang baik, pemimpin rakyat dan masih melaung laungkan kita ini pejuang bangsa jika secara sah kita ambil dan makan rasuahseolah olah semuanya OK. Kalau itulah diri kita memang buruk sangatlah akhlak kita. Seorang pelacur itu barang tentu dia lebih baik dari pejuang UMNO labi labi ini.

5. Jika UMNO tak nak berubah, jika pemimpin dan pecacai UMNO tak mengubah diri mereka, maka sudah sampai masa dan ketikanya orang MELAYU perlu mengubah nasib dan masa depan mereka sekalipun bukan melalui UMNO.

6. Ingatlah, kita semua akan berkumpul di mahkamah pengadilan di MAHSYAR yang tipu daya kita bagi mengelak pertuduhan keatas kita tidak lagi akan berhasil melainkan kita akan mendapat hukuman seadil seadil nya. Sebelum sampai hari tersebut saya dengan rasa insaf menyeru diri saya dan kita

semua kembalilah kepangkal jalan.

Semoga kita semua berjaya di dunia dan akhirat.

10.

Nikmat's Gravatar Nikmat

August 17, 2011 at 1:08 am | Permalink

Salam Tuan Guru Dr Mahathir yg di Rahmati ALLAH,

1. Apa saja yang di buat oleh UMNO yg telah menjayakan org Melayu, Cina, India dan warga Msia lainnya mestilah (seperti wajib) diburukkan.

2. Itulah strategi ahli parti Islam dan perosak UMNO. burukkan, burukkan, burukkan, burukkan..... sehingga tidak ada yang dilihat berjaya (walaupun terbukti telah berjaya) , tetap burukkan, burukkan, burukkan.....

3. Ini kerja orang JAHAT ternampak macam beriman , tetapi AMAT JAHAT ini orang masuk neraka punya.

Masya Allah amat JAHAT sekali mereka tu

11.

Nikmat's Gravatar Nikmat

August 16, 2011 at 7:32 pm | Permalink

Tuan Guru Dr Mahathir yg di Rahmati ALLAH,

1. UMNO telah berjaya memperkasakan orang Melayu

2. Org Melayu berubah dari dihinakan seperti monyet sehingga bermaruah, ada jadi pengarah, jadi pilot, jadi jurutera, jadi hakim, jadi 'lawyer', jadi doktor, jadi scientist..... macam-macamlah kejayaan

3. Perosak UMNO lah membodohkan orang Melayu sehingga tidak boleh kenal mana musuh dan yang mana gandingan, tidak boleh kenal haram dosa zina sehingga berhujah Alquran berjela-jela.

4. MasyaAllah perosak UMNO, bertaubatlah.

12.

A-Minor's Gravatar A-Minor

August 16, 2011 at 2:48 pm | Permalink

Salam semua...

HBT456, Peiseh, Khairul-Dean & Mr Zainal_1959,

You all cakap banyak... So SAD.... Baca balik you all punya comment, pastu pikir balik kat mana silapnya.... MEMALUKAN.

Tun.M,

Don't worry be happy... dia org ckp KOSONG je. Dah tak dpt jd millionaire, habis org dipersalahkan...

13.

Oranglama's Gravatar Oranglama

August 15, 2011 at 8:34 am | Permalink

Salam,

Mohong Semut Selatan rujuk jawapan saya dibawah tajuk NEP.

14.

zainal_1959's Gravatar zainal_1959

August 15, 2011 at 1:23 am | Permalink

Salam Tun,

Pemilihan Najib sebagai PM adalah silap, sebab nampak ia banyak mengambil jalan selamat untuk dirinya bukan ketegasan seperti yang di perlukan sebagai pemimpin. Najib sebenarnya gagal menjaga hati orang Melayu walaupun ia adalah Pemimpin Parti orang Melayu.

Ini Najib cerita macam-macam mahu buat, tapi nampaknya ia hanya pandai bermain dengan angka dan geraf sahaja, siapa nak percaya.

Asyik-asyik FELDA tak ada lain projek, lebih baik Najib jadi Pengerusi FELDA gantikan si dia itu.....

Isteri Najib, Rosmah ni juga menjadi kemarahan rakyat Malaysia. Ia cuba menonjol lebih dari Najib, tidak seperti isteri-isteri Perdana Menteri sebelum ini yang tahu di mana kedudukannya. Ini macam kalah isteri Obama.

Najib gagal memahami kehendak generasi baru, golongan pertengahan dan golongan bawahan. Golongan ini kebanyakan merasa mereka adalah hamba kepada golongan "Kelab Jutawan Malaysia" yang memeras keringat mereka siang dan malam.

15.

Nikmat's Gravatar Nikmat

August 13, 2011 at 4:55 pm | Permalink

Salam Tuan Guru Dr Mahathir yg di Rahmati ALLAH,

1. Itu semua kerja musuh-musuh UMNO lah kerja2 buruk macam ni mereka lah yang paling handal.

2. Sokongan kepada UMNO sekarang telah begitu meningkat mendadak, kerana:

3. Apabila pembangkang menggugurkan perjuangan membina negara Islam, pembangkang berlaku beri muka kpd org bukan Islam, dan pembangkang menyokong penzinaan maka sokongan kpd pembangkang telah merosot, maka”

4. Kekuatan UMNO mesti dilemahkan, laga2kan pemimpin UMNO ini lah kerja mereka.

Terima kasih tuan guru Dr Mahatahir

16.

Khairul-Dean's Gravatar Khairul-Dean

August 12, 2011 at 10:48 pm | Permalink

Dear Tun Dr Mahathir,

Salaams

The Funny Presiden

(foaming mouth and empty words)

Najib is just another Pak Lah;

but Anglophile is a disease with Najib while Pak Lah is a Soporifile.

Only Najib has learnt to show that he is busy with the rakyat in his walks visits and tours.

But it is the fact that he does not know how to utilise the maverick TS Nor MY that is going to be his downfall.

TS Nor MY is one very smart slippery eel. You know that.

All I have to do is knock off Tasik Gelugor to bring Najib down.

TSNor knows that and I am tracking him. I do hope to meet up with TS Nor soon – on the Dream Malaysia proposal: i may have to run the Dream Malaysia without much help from MITI. Maaf, Tun.

Salaam Ramadhan al-Mubarak to you and family.

17.

cakkuncak's Gravatar cakkuncak

August 12, 2011 at 11:46 am | Permalink

Tun,

1.Tun Abdullah make a mess of many things due to him listening too much to his "advisors". That is past but the damage have been done. Partly it is your fault because you chose him.

2. DS Najib took over and wish to rectify the situation by wooing the Chinese community hence the 1 Malaysia etc. which complicated the already established mess.

3. The Chinese are already the 'stronger' community in many aspects so as to feel comfortable with regards to the fate of their race in this beloved country. What do they have to loose if the claim more or bargain harder?

4. The Malays? ..we all know how UMNO is, how PAS is and now PKR just join the bandwagon. When we say Malays, these 3 parties are no longer relevant – in fact these parties are causing the disunity and from the looks of it not one of them will wake up and change.

5. Therefore, DS Najib calculated wrongly in trying to woo the Chinese and took a huge risk. Now there is no turning back and one thing is for sure and that is the Malays will not let their 'rights' be diminished or destroyed whatever the reason, and it is rightly so.

6. Solution – UMNO please wake up and we need something drastic not unlike when the Malays thought of the Malayan Union.

18.

parameswara 2's Gravatar parameswara 2

August 12, 2011 at 2:14 am | [Permalink](#)

Dearest Tun

1-My business is usually slow during the month of Ramadhan so I have quite some time to indulge in this favorite blog of mine.I find that during this month our emotions are a little amplified and I easily get carried

away in presenting my opinions. I hope you do not find me trying to teach a world class leader like you anything about politics, merely sharing with you what a politically naive voter like me sees things from down here.

2-In 1987 elections, UMNO was quite divided when a major part of UMNO became S46 and have aligned itself with PAS to woo the Malay votes. But the simple mistake of Ku Li wearing the kadazan gearhead that has a big cross on it, gave BN a 2/3 majority.

3-in the 1999 elections UMNO was again divided seriously with the majority UMNO members unable to grasp the sacking of an 'alim' politician accused of liwat. The overzealous PAS then were too aggressive with their Islamic aspirations making DAP appear an insignificant partner. BN was able to fully harness the support of the non Malays who were then allergic to PAS aspirations, to come in full support of the BN. DAP failed miserably. BN secured a 2/3 majority once again.

4-Now we are in 2011. The Malay division of 1999 have grown even bigger contributed not insignificantly by Pak Lah. But within UMNO itself we believe that due to the weak fundamentals, 2-4 divisions may be brewing if not already there.

5-PAS having learnt their mistake of 99 have now not only downplayed their Islamic aspirations, they have even announced to the whole world they are not anymore interested in Hudud or an Islamic state.

6-Cost of living is on the rise. Crime on the streets are still rampant, inspite of the survey that says the people now are feeling safer on the streets. Foreigners are all around us that they have made us foreign in our own land. Many of them maybe illegal. In the millions. They wondered, how on earth did we get into this situation?

7-One of the only goodies lined up for people I can think up will be the Economic Transformation Programme that promises us a high income economy. This initiative already aggressively pursued by Idris Jala will however require us later to give up all the subsidies we are enjoying now. What this will promise is that our cost in the long run will only increase. In other words to enjoy a higher income we must also be prepared for a higher cost. That sounds fair to me.

8-The only other goody is the Govt introducing the various KPIs /NKRA's for the Govt agencies towards a rakyat di dahulukan culture. But we know siapa yang sebenarnya di dahulukan with the construction of the RM800 million new palace at Bukit Duta .

9-The Govt have introduced a One Malaysia slogan as an initiative to eventually integrate all the races to be one Malaysian race. His deputy is however Malay first, Malaysian later. PERKASA has objections to this. Najib later announced that the social contract cannot be challenged. So, have the non Malays been won over?

10-In the light of all these scenarios, what do you think is the best strategy you would recommend BN to help it achieve a 2/3 majority again come this PRU13, Tun?

Thanks Tun

19.

Di Kapai's Gravatar Di Kapai

August 11, 2011 at 10:38 pm | [Permalink](#)

Salam Y.A.Bhg. Tun Dr.,

Ini kali pertama saya menulis sebab saya tidak pandai menulis dan

agak buta it..boleh dikatakan saya baru mempelajari it itu pun yang asas-asas sahaja. Al-maklumlah orang kampung..

Apa yang ingin saya kongsi di sini ialah kisah benar yang terjadi ke atas diri saya sendiri.

Kisahnyanya begini, saya berhajat ingin menjadi ahli pemuda UMNO sejak dari awal tahun 2000 lagi tetapi saya tidak pasti tarikh dan tahun sebenar kisah saya terjadi.

Apa yang saya ingat, permohonan pertama saya ialah pada ketika saya berkarier sebagai pelaut (dari tahun 2000 hingga 2004) saya memohon borang keahlian di kawasan saya (tmn wira mergong, blok B, alor setar) namun jawapan yang diberikan ialah saya tidak perlu jadi ahli sebab saya hanya sementara sahaja di darat.

Kemudian, saya berhenti belayar dan belajar di sebuah universiti awam (UiTM tahun 2004-2007) sekali lagi (sebenarnya dah banyak kali) saya memohon untuk mengisi borang keahlian UMNO namun jawapan yang diberikan ialah nantilah saya beri borang itu ek.

Selepas itu, saya menghadiri satu majlis yang dinamakan Juara Rakyat yang diadakan di kawasan Parlimen Jerlun, di situ barulah saya dapat melihat bagaimana rupanya borang untuk menjadi ahli yang begitu cantik berwarna merah yang membangkitkan lagi semangat saya untuk mengisi dan diterima menjadi ahli UMNO. Selepas selesai mengisi, borang diserahkan kepada petugas yang mengendalikan gerai UMNO tersebut dan katanya tunggulah lebih kurang sebulan pejabat UMNO akan menghantar surat nanti ek. Selepas sebulan menunggu dan berbulan-bulan menunggu dan genaplah 4 bulan menunggu surat tidak juga sampai-sampai. Mungkin posmen tidak menjumpai alamat rumah saya untuk mengirim surat tersebut. Mungkin walaupun tidak mungkin.

Rentetan itu, saya berjumpa dengan salah seorang Ahli Jawatankuasa UMNO di kawasan saya dan menyerahkan salinan borang (photostat) keahlian yang saya isi di program Juara Rakyat tersebut namun berbulan-bulan juga menunggu tiada jawapan yang diberikan. Oleh itu, saya memberanikan diri berjumpa dengan Ketua Pemuda UMNO kawasan saya menceritakan kisah saya, katanya beliau akan menyemak permohonan saya di pejabat UMNO keesokan harinya dan memberikan nombor telefon bimbit beliau dan mengambil nombor telefon bimbit saya agar kami mudah

menghubungi sesama kami.

Alhamdulillah, ada respon katanya borang saya tidak diproses sebab tiada rekod diterima oleh pejabat UMNO. Beliau menyarankan saya mengisi borang baru, namun sehingga ke hari ini saya masih lagi tidak mendapat jawapan adakah saya diterima atau ditolak menjadi ahli UMNO. Panggilan telefon saya sudah tidak dijawab dan sms saya juga tidak dibalas.

Apakah masalah sebenarnya UMNO Negeri Kedah? Adakah UMNO Negeri Kedah kekurangan kakitangan untuk memproses borang saya? Atau jika saya diterima menjadi ahli, Jawatankuasa di kawasan saya berasa tergugat dengan pengaruh dan kredibiliti saya yang membuatkan mereka tidak mahu memproses borang saya?

Untuk pengetahuan Tun, Ketua Pas di kawasan saya sudah banyak kali mempelawa saya menyertai keahlian parti mereka namun saya masih sayangkan UMNO walaupun agak kecewa dengan UMNO Negeri Kedah.

Jika Tun membaca kisah saya, bagaimanakah cara yang betul bagi saya untuk menjadi ahli UMNO?

Semoga Y.A.Bhg. Tun dan isteri sihat selalu.

Sekian, terima kasih.

20.

HBT456's Gravatar HBT456

August 11, 2011 at 7:13 am | Permalink

Good morning Tun,

Selamat Berpuasa.

21.

ramli400's Gravatar ramli400

August 11, 2011 at 3:34 am | Permalink

Salam Tun, moga2 sihat waalfiat...

Saya berpendapat bahawa perjuangan UMNO sekarang berada di persimpangan jalan diantara berjuang hanya untuk orang2 melayu dimana perjuangan untuk kaum2 lain diserahkan secara total kepada parti2 komponen BN yang lain atau berjuang untuk semua kaum di Malaysia ini.

Pada pandangan saya, dalam keadaan perpecahan masyarakat melayu yang sangat meruncing sekarang, UMNO patut lebih menumpukan perjuangannya untuk orang2 melayu. Saya fikir sentimen kaum lain, terutama masyarakat cina, sekarang terlalu kuat menentang kerajaan BN yang diterajui oleh UMNO. Mereka merasakan yang mereka akan mendapat lebih faedah sekiranya PR berkuasa nanti dimana suara mereka akan lebih dominan berbanding dengan sekiranya mereka bernaung dibawah BN. Mereka tahu parti2 seperti PAS & PKR lebih senang untuk mereka pengaruhi dari UMNO. PAS & PKR sanggup membuat apa saja & berjanji apa saja tanpa memikirkan sangat kesan & consequence asalkan tujuan mereka untuk menguasai Putrajaya berjaya.

Dalam keadaan sosial ekonomi mereka yang kukuh, mereka tidak akan rugi apa2 sekiranya mereka bertidak sebagai 'anti establishment'. Yang banyak rugi dalam keadaan sekarang adalah masyarakat melayu. Masyarakat india dan kaum2 yang lain akan memberikan sokongan kepada mana2 puak yang mereka fikirkan kuat.

Jadi saya fikir jika UMNO dapat menyatukan sebahagian besar masyarakat melayu & apabila majoriti masyarakat melayu berlindung dibawah UMNO dan mereka yakin yang masyarakat melayu sudah kembali bersatu, perlahan2 mereka akan kembali ke pangkuan BN.

Dalam keadaan sekarang ramai orang2 melayu merasakan yang

kepimpinan UMNO terlalu berusaha & mengambil berat untuk menjaga hati kaum2 bukan melayu sehingga mereka merasakan yang hak2 & kepentingan2 mereka semakin dipinggirkan. Perasaan ini dapat dilihat dengan lebih jelas dengan munculnya banyak NGO2 yang menyuarakan perasaan resah & kecewa masyarakat melayu. Saya rasa kita tak perlukan PERKASA & AMANAH sekiranya masyarakat melayu yakin yang UMNO dapat menjaga & menjuarai hak & kepentingan mereka.

Saya khuatir apa yang berlaku nanti adalah apa yang dikejar tidak dapat tapi apa yang dikandung jatuh berciciran. Ia akan menjadi satu titik hitam kepada hayat parti yang telah banyak berjasa kepada masyarakat melayu khususnya & rakyat Malaysia keseluruhannya. Masa itu kepimpinan UMNO yang ada akan meyesal tak sudah....

Wassalam, moga2 kehidupan Tun sekeluarga dirahmati Allah.....

22.

MiddleAges's Gravatar MiddleAges

August 11, 2011 at 3:27 am | Permalink

Salam Tun,

Parameswara 2 said ...

9-Of course with a highly sophisticated ,conspiracy mastermind,hardened,and very desperate,trained in jail leadership on the other side any weaknesses in the part of UMNO leadership will be quickly exploited to his benefit come this pru13.This chap could be brewing something that may actually see UMNO bite the dust.

you forgot "much sought after film star".
there is calm before the storm, they say.

Thank You Tun.

23.

pakbelalang's Gravatar pakbelalang
August 11, 2011 at 2:51 am | Permalink

Melayu oh Melayu !

Melayu oh Melayu !

Melayu oh Melayu !

Dah bodoh stupid!

Beginilah sifat negatif orang Melayu yang akan terus kekal selama-lamanya sampai kiamat . Sifat hasad dengki, suka menfitnah, iri hati , besar diri, mudah lupa, berlagak pandai dan bodoh sombong tidak akan hilang dari jiwa bangsa Melayu!

Kesian, Melayu !!!

MAY GOD BLESS THE MALAYS !!!!

24.

Wan Zaliha Wan Abdullah's Gravatar Wan Zaliha Wan Abdullah
August 11, 2011 at 1:57 am | Permalink

Yang Bahagia Tun dan isteri,

Selamat berpuasa.

Saya terharu bila membaca artikel Tun. Semoga orang-orang lain, khususnya orang Melayu sedar akan apa yang sebenarnya sedang berlaku. Janganlah kita bertelingkah sesama sendiri, kerana ini semua adalah tipu muslihat pihak yang mempunyai agenda tersendiri agar kaum Melayu berpecah. Apabila kita berpecah, yang rugi bukan mereka tetapi kita sendiri.

Sayangilah negara kita. Anda mahukah melihat negara kita bergolak dan berperang seperti negara-negara yang lain? Sukakah kita kalau kita hidup susah, ibarat kata 'yang miskin bertambah miskin, yang kaya bertambah kaya'.

Saya harap kita mesti bangun dari dibuai kata-kata manis oleh pihak yang hanya lebih mementingkan kebajikan sendiri daripada kebajikan rakyat. Bersatu teguh, bercerai roboh.

Dunia ini maha luas, dan segala isi dan kenikmatan dijadikanNya untuk dikongsi sesama manusia. Hidup di dunia hanyalah sekali. Tidak salah untuk manusia yang berbilang agama dan kaum hidup bersama secara aman dan harmoni.

25.

suli_lea@yahoo.co.id's Gravatar suli_lea@yahoo.co.id

August 10, 2011 at 4:32 pm | Permalink

Selamat berpuasa Dr Mahadhir dan keluarga

Saya kira sebahagian besar bangsa melayu di Malaysia belum pernah mengalami hidup sangsara menjadi hamba di negara sendiri. Mereka berlomba2 mengejar pegang kuasa tidak peduli memikirkan masa depan bangsa, agama dan negara.

Pada hal dalam konstutisi(perlembagaan) jelas mejamin hak2 bangsa melayu, raja2 melayu dan masa depan bangsa di-pertahankan selagi jurang taraf kehidupan bangsa tidak seimbang dengan bangsa lain. Saya tidak paham megapa pengikut PKR dan PAS dengan tindakan mereka menentang UMNO sampai sanggup menjual bangsa dan negara agar mereka dapat berkuasa sekaligus memenuhi keinginan bangsa pendatang.

Pengikut2 PKR dan PAS mungkin sengaja tidak mahu tahu yang mereka memperjuangkan bangsa yang jauh lebih maju dari kaum muslim. Yang terkaya di Malaysia ada lah bangsa asing cuma satu? dua bumiputra. Gedong2 besar semerata kota bukan miliki orang2 muslim. Apakah mereka inginkan bangsa bumiputra jadi hamba di negara sendiri.

Kaum bumiputra harus berterima kasih oleh karna tindakan Dr Mahathir yang tepat dan wajar maka kita bisa lihat kedudukan kaum bumi meningkat dan setanding dengan bangsa pendatang

Kasus Anwar Ibrahim kami melihat video sex jelas kita bisa tentukan siapa di dalam video (saya percaya Wan Aziza tahu siapa yang sebenarnya) aneh nya beliau coba mengelirukan raayat dan parti PAS sengaja buat buta dan tuli. Yang paling aneh kasus sodomi beliau harus buktikan sama ada beliau lakukan atau tidak, dan mereka sengaja buat buta dengan keterangan specialist2 dan enggan kasi DNA. Kalau benar kenapa takut, kalau tidak yakin dengan lab2 malaysia mengapa tidak hantar DNA nya ke US atau Australia yang neutral. Kononnya konpirasi , kalau konpirasi terlu banyak orang yang terlibat. Allah yang mengetahui-nya tapi beliau takut angkat sumpah AL QURAN.

Saya menyeru kepada orang2 melayu dan pengikut2 parti PKR(beragama Islam) dan PAS jangan tertipu dengan Anwar dan bangun lah dan bersatu demi masa depan bangsa, agama dan negara. Jangan tertipu dengan parti DAP mereka melaung2kan konon nya BN parti korupsi mereka tidak ada modal lain dan irihati kemajuan bangsa2 melayu yang begitu banyak orang2 terpelajar, peguam, dokter , engineer dan lain dan cuma

ekonomi masih ketinggalan jauh belakang. Parti DAP memang ada agenda yang tersembunyi yang nyata menghancurkan sistem yang mempertahankan dan memperjuangkan kaum bumiputra. Kemajuan Malaysia selama ini tidak pernah di sentuh oleh parti2 pembangkang mereka ingin melihat bangsa bumiputra tidak bersatu dan melemahkan semangat dan kekuatan bangsa ini. Kesal kemudian tidak berguna.

26.

Ibnu Sulaiman's Gravatar Ibnu Sulaiman

August 10, 2011 at 4:31 pm | Permalink

Assalammua'laikum wrt... Tun yang dihormati,

"Kita" merujuk kepada diri penulis, berbahagia Tun dan pembaca mesej ini.

1. Empat (4) ciri-ciri asas yang perlu ada pada orang Islam yang bergelar pemimpin:-

Pertama : Mendirikan sembahyang.

Ke-dua : Memberi zakat.

Ke-tiga : Menyuruh berbuat kebaikan.

Ke-empat : Melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar.

2. Ini semua tanda-tanda kebesaran Allah swt untuk menunjukkan mukjizat Nabi Muhammad saw iaitu Al-Quran kepada kita. Dalilnya disertakan seperti berikut:-

3. "Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan." (Terjemahan surah Al-Hajj (MADINA) ayat 41)

4. Maha Suci Allah swt, betapa rahmatNya dan pengasihNya Allah kepada kita. Tetapi sayang kenapa kita tidak mahu jadi hambaNya yang bersyukur. Semoga kita menjadi ketua keluarga (suami) yang baik. Amin.

rgds

Ibnu Sulaiman

Komen² Terdahulu:-

1. Jom Solat Fardu 5 Waktu Berjemaah
2. Yang Hidup Pasti Mati
3. Islam Menolak Fahaman Asabiah, Perkauman dan Kebangsaan
4. Bala Bencana!!! Apabila Hubungan Kita Dengan Allah SWT Tidak Dijaga

5. Kesan Buruk Sistem Kapitalis

6. Iklan Kekosongan Jawatan

27.

Bothman's Gravatar Bothman

August 10, 2011 at 3:30 pm | Permalink

Askm Tun & fellow bloggers,

Saya rasa berat nak membuat komen kali ini semata2 kerana ingin menghormati Ramadhan yg mulia. Tetapi biarlah menghad kpd komen secara am saja.

1. Saya sokong komen Tahir 757... Orang politik perlu bijak menjawab pertanyaan wartawan yg memang ditugaskan mencari cerita yg sensasi utk tingkat rating. Sebagaimana yg telah dicadangkan ialah dgn menyoal balik mereka dgn secara sacarstic jika perlu. Tun memang mahir dlm perkara ini terutama ketika menjawab wartawan2 luar negara. Harap mereka yg terlibat bolih mempelajari cara Tun mengendalikan wartawan2 yg "nakal" ini.

2. Saya tertarik dengan komen Nash tentang tingkah laku isteri PM. Saya banyak terima maklumat ini dari emails tapi setakat baca tapi tak minat dan tak perlu disebar. Perkara saperti perlu diatasi oleh PM, kalau tidak ianya akan menjadi satu lagi beban kpd UMNO/BN dlm PRU-13 nanti. Najib jatuh bolih diganti dari UMNO tapi kalau BN jatuh... mungkin malapetaka kepada Malaysia. Bolih jadi PM perlu diingatkan kpd ungkapan "kejayaan seorang lelaki itu, ada perempuan bijak dibelakangnya" tapi sebaliknya juga pun bolih berlaku. Sejarah tidak berbohong.

3. Saya sokong komen CikguAzizSgTiang yang berpendapat kita Melayu tak perlu takut dicop "racist". Kita hanya menuntut hak kita yg termaktub dalam perlembagaan negara. Banyak bukti yg bangsa bukan Melayu tidak dianiaya sebagaimana diheboh2kan.

4. Saya mengambil kesempatan ini menyeru orang Melayu supaya BERSATU untuk mempertahankan hak/kedudukan bangsa Melayu. Kita bolih berdebat atas lain2 perkara tapi perkara hak mesti kita mempertahankan bersama. Jangan kerana ingin merebut kuasa/kedudukan, kita sanggup menggadaikan maruah bangsa dan kesucian agama kita dan jadi pembelot yang akan menghancurkan nasib cucu-cicit kita nanti. (ikut prinsip Yahudi.. bergaduh antara parti2 politik mereka tetapi jika tentang keselamatan Israel

mereka bersatu padu mempertahankannya).

5. Ingat! tak mesti Melayu itu Islam dan tak mesti Islam jika tidak BERIMAN. Fikir2kanlah.

6. Jadikan agama yang berlandaskan Quran & hadith, sebagai asas utk kita bersatu dalam usaha memantapkan, memperkukuhkan dan mempertabatkan kedudukan bangsa Melayu di Malaysia khususnya dan dunia amnya.

Sekian semoga kita mendapat keredhaan dari Allah SWT dalam segala perkara yang kita lakukan.

28.

Duyam1968's Gravatar Duyam1968

August 10, 2011 at 3:24 pm | Permalink

Salam YAB Tun,

Saya pelik dengan senario politik Malaysia, khususnya, UMNO (lain-lain parti pun sama sahaja). Biasanya "pertelingkahan" akan berlaku antara Perdana Menteri/Presiden dan Timbalannya. Tidak ada "jalan cerita" atau "modal" lain ke?

Mungkin kita kena fikirkan satu "jalan cerita" yang Timbalan Perdana Menteri/Timbalan Presiden tidak semestinya atau tidak boleh menjadi Perdana Menteri/Presiden. Barulah terhasil "jalan cerita" yang lain, mungkin "suspen" atau "seram".

Pada hemat saya, "jalan cerita" mengarut ini terhasil kerana nafsu diri yang ingin menjadi (sama ada dilantik atau terlantik) Perdana Menteri. Tidak kira sesiapa pun. Lagi satu orang Malaysia terutama Melayu (termasuklah saya) memang pandai membuat tafsiran/ telahan/ andaian kepada sesuatu kejadian, percakapan atau gerak geri. Mungkin perkataan "pelik" yang saya nyatakan awal tadi sudah bertukar kepada "biasalah" atau "sudah tidak hairan lagi".

Cuma kita kenalah beringat. Kita akan dibangkitkan di akhirat nanti dan mulut kita akan dikunci dan tangan serta anggota badan kita akan menjadi saksi atas perbuatan kita di dunia. Jalan cerita sebenar hidup kita di dunia akan ditayangkan untuk tontonan ramai dan pada masa itu menjawablah kita itu pun kalau kita mampu menjawab.

Selamat berpuasa. Semoga ketaqwaan kita bertambah semasa menjalani ibadah puasa ini. Dan akhirnya taqwalah yang akan membezakan kita di sisi Allah.

Wasalam.

29.

MiddleAges's Gravatar MiddleAges

August 10, 2011 at 3:14 pm | Permalink

Salam Tun,

1. @pakpandir08, sebabnya ialah racism tidak lagi diterima sebagai satu ideologi popular masa kini, walau pun masih ramai terutama melayu yang masih berpegang kepada kebanggaan kebangsaan dan juga kebanggaan beragama. Saya kurang pasti apa sebenarnya yang di bangga-banggakan.

2. Kebanggaan era moden ialah hati murni dan kebolehan hidup yang tinggi, membolehkan kita maju serta mempunyai daya saing yang kuat. Tak kira apa bangsa dan jenis manusia datang berlegar dirantau ini, kita boleh pandai berinteraksi sebagai manusia, serta sama2 maju.

3. Yang digelar Tun racist, seperti saya, ialah mengikut definisi, bukan emosi. Apabila kita menggunakan kaca mata bangsa, kita racist. Ia bukan suatu ejekan, kerana jasa dan sumbangan Tun jelas sekali, tiada siapa dapat menafikan kemajuan Malaysia kita setakat ini. Negara ini terbentuk atas dasar kerjasama bangsa. Tapi apakah Tun masih atau hanya racist ? Saudara-saudiri kajilah sendiri.

4. Generasi warga tua sukar menerima ideologi baru Islam, Adil dan Demokrasi. Idea-idea ini aneh buat generasi tua ini. Mereka hanya sibuk "bangsa" apa yang jadi ketua, PM, menteri etc etc. Ini pula di ajar kepada generasi muda. Kalau boleh semua nya nak melayu belaka. Mana ada. BN pun punya jemaah menteri bukan melayu. Dunia ini berbagai bangsa dan agama. Itu fakta. Itu yang benar.

5. Jika ingin menceburi dunia yang luas, pandangan juga harus luas, dan hati bersih. Tapi kalau masih ingin memegang ideologi 60an, susah sikit nak merantau dibumi indah ini. Lama kelamaan akan ketinggalan. Mungkin tak lama pun.

6. Saya kira konsep yang dibawa PM Najib, (the best of the malays, chinese, indian, and others) adalah satu konsep yang bijak dan murni. Walaubagaimanapun, ia masih racist. Konsep Islam, Adil dan Demokrasi adalah lebih menarik. Ini hanya pendapat peribadi saya.

7. Cuma konsep Islam disini ada bahaya sikit. Sebab konsep bangsa masih diselitkan didalam agama, sekali gus menjadikan versi Islam di Malaysia kurang bersih. Islam di Malaysia bersifat "authoritarian", sebab

datangnya dari "authority". Kalau datang dari langit tidaklah bersifat begitu.

Terima Kasih Tun.

30.

anak2Chedet's Gravatar anak2Chedet

August 10, 2011 at 11:22 am | Permalink

Salam sejahtera buat Ayahanda sekeluarga semoga diberkati Allah swt.

Dengan izin, ingin saya berkongsi apa yang telah dilafazkan oleh Jujungan Besar kita untuk renungan kita bersama:

Rasulullah S.A.W pernah bersabda: Apabila engkau melihat orang yang tidak berterompah, tidak berpakaian (orang yang miskin), yang tuli, bisu dan buta menjadi penguasa di bumi, maka itulah tanda-tanda kiamat. (Hadis Riwayat Muslim)

Imam Nawawi yang mentafsirkan Hadis ini meyakini bahawa yang dimaksudkan dengan orang yang tidak berterompah, tidak berpakaian (orang miskin) dijadikan pemimpin itu ialah orang yang miskin ilmunya dan miskin akhlaknya.

Miskin didalam hadis ini bukanlah bermaksud miskin dari segi wang ringgit dan harta tetapi miskin disini lebih bersifat tersirat yakni bermaksud miskin jiwa.

Bisu, tuli dan buta didalam hadis ini pula sama maksudnya dengan

Firman Allah S.W.T dalam surah Al-Baqarah ayat ke 18 iaitu :

Bisu, tuli dan buta. Maka mereka itu tidak akan kembali lagi ke jalan kebenaran (sesat). Maka yang dimaksudkan oleh Rasulullah S.A.W dalam hadis ini adalah manusia yang sesat itu dijadikan pemimpin (antara tanda kiamat). Mereka tidak menggunakan panca indera mereka untuk menilai dan menerima kebenaran seolah-olah pancaindera yang dikurniakan kepada mereka tersebut telah hilang dan tidak ada gunanya lagi (Juz 1, bab Asyratuss'ah Shahih Muslim Syarh An-Nawawi)

Musibah kehadiran pemimpin-pemimpin daripada golongan yang dungu ini akan semakin bermaharajalela pada masa-masa terakhir usia dunia ini dan akan dihilangkanlah oleh mereka ini amanah (amanah rakyat) kerana pekerjaan atau tugas-tugas kepimpinan tersebut telah diserahkan kepada orang yang tidak layak untuk memimpin manusia (rakyat jelata). Sedangkan syarat-syarat untuk menjadi seorang pemimpin didalam Islam adalah seseorang tersebut perlu mempunyai ilmu pengetahuan dan berkemampuan dalam bidang Ilmu Syariah yang akan dapat menjadikan pemimpin tersebut berijtihad dan menggunakan kebijaksanaan fiqh dalam pentadbiran.

Selain itu seorang pemimpin juga disyaratkan untuk bersifat adil bukan bersifat fasik. Adil yang dimaksudkan disini bermaksud adil dalam semua aspek pemerintahan, tidak berdusta dan tidak memakan harta yang bukan merupakan haknya, tidak melakukan penyelewengan wang kerajaan dan tidak mengamalkan gaya hidup rasuah serta banyak lagi.

Seorang lelaki Arab awam telah bertanya pada Rasulullah S.A.W, " Ya Rasulullah, bilakah kiamat itu akan terjadi?"

Baginda S.A.W menjawab , "Apabila amanah telah disia-siakan maka nantikanlah kemunculan kiamat"

Lelaki itu bertanya lagi, "Bagaimana yang dikatakan amanah yang disia-siakan?"

Baginda S.A.W menjawab, "Apabila sesuatu urusan yang penting diserahkan kepada yang tidak layak untuk memangkunya, maka nantikanlah kemunculan kiamat" (Hadis Riwayat Al-Bukhari)

Renung-renungkanlah sabda-sabda Nabi Muhammad S.A.W dan Firman Allah S.W.T .. sudahkah musibah seperti ini terjadi?

Sumber Rujukan: Buku berjudul 3 tokoh bakal menakluk dunia ditulis oleh Ustaz Jaafar Bin Salleh terbitan Pustaka Azhar

"Jazakallahu Khairan Kathira"

FisalMahadzir Al-Qedahi

"Barangsiapa yang menyeru/mengajak (orang lain) kepada petunjuk maka dia akan mendapatkan pahala seperti pahala-pahala dari orang-orang yang mengikutinya, yang hal itu tidak mengurangi pahala-pahala mereka sedikit pun, dan barangsiapa yang mengajak kepada kesesatan maka dia akan mendapat dosa seperti dosa-dosa dari orang-orang yang mengikutinya, yang hal itu tidak mengurangi dosa-dosa mereka sedikit pun." (HR. Muslim no.2674)

31.

Ibnu Sulaiman's Gravatar Ibnu Sulaiman

August 10, 2011 at 11:01 am | Permalink

Assalamua'laikum wrt... Tun yang dihormati,

"Kita" merujuk kepada diri penulis, berbahagia Tun dan pembaca mesej ini.

1. Apabila sistem kapitalis diguna pakai, maka hasilnya:-

Pertama : Orang yang sedia kaya semakin kaya dan golongan yang miskin bertambah miskin.

Ke-dua : Golongan yang kaya ini semakin berkurangan dan golongan yang miskin (ditindas) semakin bertambah ramai. Jurang perbezaan kekayaan antara mereka terlalu beza.

Ke-tiga : Golongan ELIT yang kaya ini kata-kata & perasaan mereka di ambil berat dan dijaga; sebaliknya golongan yang miskin, hidup susah, merempat ini kata-kata mereka dibakul sampahkan dan tiada sesiapa pedulikan.

Ke-empat : Golongan yang kaya ini sanggup membuat apa sahaja (Motto: Matlamat menghalalkan cara) sehingga mereka lupa kepada si miskin ini; sebaliknya golongan yang sedia miskin ini sanggup menindas sesama miskin bagi mengikut telunjuk si kaya.

Ke-lima : Golongan yang dulu sedia kaya dan sekarang jatuh miskin, nasibnya sama macam golongan si miskin hanya mampu menyalak macam anjing tetapi tiada siapa yang hiraukan; sebaliknya golongan yang dulu sedia miskin dan sekarang menjadi kaya, mereka lupa asal-usul mereka dulu sebelum ini miskin papa kedana.

Ke-enam : Kita boleh fikir sendiri... sebab Allah swt ada mengurniakan kita akal fikiran.

2. Ini semua tanda-tanda kebesaran Allah swt untuk menunjukkan mukjizat Nabi Muhammad saw iaitu Al-Quran kepada kita apabila hubungan kita dengan Allah swt tidak dijaga. Dalilnya disertakan seperti berikut:-

3. "Dan turutlah Al-Quran sebaik-baik (panduan hidup) yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu, sebelum kamu didatangi azab secara mengejut, sedang kamu tidak menyedarinya." (Terjemahan Surah Az-Zumar ayat 55)

4. "Biarkanlah Aku sahaja (wahai Muhammad) dengan orang yang mendustakan keterangan Al-Quran ini, Kami akan menarik mereka sedikit demi sedikit (ke jurang kebinasaan), dari arah yang mereka tidak mengetahuinya." (Terjemahan Surah Al-Qalam ayat 44)

5. Maha Suci Allah swt, betapa rahmatNya dan pengasihNya Allah kepada kita. Tetapi sayang kenapa kita tidak mahu jadi hambaNya yang bersyukur. Semoga kita berada dalam golongan yang kaya di alam akhirat sana. Amin.

rgds

Ibnu Sulaiman

Bacaan Tambahan:-

1. Jom solat fardu 5 waktu berjemaah
2. Yang Hidup Pasti Mati

3. Jawatan Kosong

32.

rahim52's Gravatar rahim52

August 10, 2011 at 6:10 am | Permalink

YABhg Tun,

Selagi tahap economy kaum majoriti khususnya orang Melayu masih rendah saya berpendapat sistem demokrasi yang bebas sepenuhnya boleh membawa kehancuran kepada Negara suatu hari nanti. Kita perlu kepada sistem demokrasi yang dipimpin bagi membolehkan pemerentahan dapat melaksanakan program affirmative untuk mewujudkan keadaan economy dan social yang adil kepada setiap kaum. Sistem yang wujud di Negara ini semenjak DEB diperkenalkan adalah terbaik Dan telah berjaya membawa kepada pembangunan Negara disamping mewujudkan sistem pembahagian kejayaan Negara yang lebih adil.

2. Masaalah yang berbangkit lebih kepada pengurusan Negara itu sendiri. Amalan rasuah yang berleluasa telah memberi tekanan yang hebat kepada sistem demokrasi di Negara. Ramai pihak tidak berpuas hati kerana pengurusan Negara yang lemah kerana wujud proses pelaksanaan yang lemah seperti kes pembelian tanah di Port Kelang melibatkan kenaikan kos beratus juta. Mungkin ada banyak kes seperti itu yang tidak diketengahkan.

3. Sistem demokrasi kita tidak banyak berbeza dengan amalan demokrasi di Singapura yang lebih dipimpin. Singapura berjaya muncul sebagai sebuah Negara maju bertaraf dunia kerana sistem pengurusan Negara yang mungkin lebih baik dari Malaysia. Sungguh pahit untuk kita menerima kenyataan ini. Kita menjadi lemah kerana banyak sistem pengurusan yang lemah. Terlalu banyak amalan rasuah disemua peringkat sehingga menjejaskan pencapaian disemua peringkat.

4. UMNO akan terus berkuasa kerana itulah pilihan terbaik untuk Negara ini melalui perkongsian kuasa dengan kaum yang lain. Prasyaratnya adalah melalui sistem pengurusan Negara yang lebih telus dan mesti memberi focus kepada mewujudkan sistem pengurusan Negara yang telus serta bebas dari amalan rasuah .

Iklas,

Rahim.

33.

semut selatan's Gravatar semut selatan

August 10, 2011 at 5:15 am | Permalink

salam tun,

saya bangga untuk menyatakan bahawa saya lebih Malaysian dari kaum saya. Saya cukup tertarik dgn kata2 Peiseh yang lebih menumpukan pada kepentingan negara daripada kata2 Orang Lama dan bumi Malaya yang lebih kepada kepentingan sendiri. wujudnya orang2 separuh masak ginilah, kita masih ketinggalan baik dalam pemikiran atau kemajuan. Entahlah tun,,,,, bulan baik ini pun mereka penuh dengan hasut dengki. Ooii tak takut dosa ker?????????

34.

mushtar's Gravatar mushtar

August 10, 2011 at 1:21 am | Permalink

ada org tun, ada org najib, ada org muhyidin, ada org paklah dan banyak lagilah sampai ke peringkat cawangan org2 nyer...

parti komponen BN yg lain pun lebih kurang jugak...

dari dulu, kini dan sampai bila pun tak tau...

sabit pun banyak parti serpihan dari umno...

nampak sangat umno parti bermasalah tun...

35.

AyamHere's Gravatar AyamHere

August 9, 2011 at 9:29 pm | Permalink

UMNO tengah teruk nih.Sudahlah Pejuang Bahasa Melayu menolak UMNO tambah pulak lagi usahawan-usahawan Melayu.Tinggal jelah orang Felda dan orang kampung yang masih setia pada UMNO.Melayu tiada pilihan lain kecuali UMNO tetapi Melayu Pekan kena tolak Najib.

36.

musato's Gravatar musato

August 9, 2011 at 8:49 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun.

Sudah-sudahlah UMNO nak cakap pasal melayu.Lebih baik jaga periuk nasi masing-masing.

Ketua Pemuda UMNO pun entah ke mana hala.Dulu masa Dato Hishamuddin jadi ketua Pemuda,senang-senang hunus keris ke langit.Simbol pahlawan sangat la tu.

Tapi bila keadaan jadi huru-hara,perkataan maaf dipinta.Itukah darah pahlawan namanya?

Sekarang KJ jadi Ketua Pemuda.Nampak gagah agaknya masuk askar.Kemudian masuk BERSIH 2.Memang ler polis tangkap sape-sape yang buat kecoh.Mujur tak ada pertumpahan darah.

Kalau ada pertumpahan darah di mana agaknya KJ?Silap-silap Dato Najib yang kena jawab.Begitu agaknya orang berdarah pahlawan.

Sudah-sudahlah UMNO bercerita pasal melayu.Jaga sahalah periuk nasi masing-masing.Nanti kalau PRU 13 kalah,langsung tak dapat cari makan dengan guna perkataan MELAYU.

Sekarang ramai orang tahu kenapa saya tak suka bercakap pasal melayu.Sekali melangkah jangan diundur.Kalau nak berundur janganlah melangkah semata-mata untuk mencari populariti.

Mungkin kawan bukan melayu tak tahu bahawa yang mereka lihat sekarang bukanlah orang melayu.cuma orang politik.Seperti mana Chua Soi Lek kata,mana ada dah 13Mei sekarang.

Terima kasih Tun.

37.

nys8982's Gravatar nys8982

August 9, 2011 at 8:20 pm | [Permalink](#)

Salam Tun,

But I do think there is a rift between the a rift between the two leaders. Now this is something I could not confirm, I think the pm has ask our dpm for the possibility of implementing ppsmi as an option for those who wants it but our dpm has stubbornly refused.

38.

nys8982's Gravatar nys8982

August 9, 2011 at 8:09 pm | Permalink

I am born a malaysian. I am Malaysian first then chinese.

39.

zulkiflee's Gravatar zulkiflee

August 9, 2011 at 4:27 pm | Permalink

Assalamu'alaikum Tun,

mengubat penyakit biar lah dari punca nya,iaitu tahu apa sakit nya,apa penyebab nya dan kenal pasti cara mengelak nya dari berterusan.ubat hanya lah sebagian kecil dari strategi penyembuhan jangkapanjang.

penyakit di Malaysia ini adalah berpunca dari pendatang-pendatang asing yg kita beri hak mengundi dan kerakyatan yg sama rata dgn kita.tujuan kita baik,berbuat ihsan sesama manusia,tak kira lah apa bangsa pun,kita sama-sama manusia mencari sedikit ruang di bumi Tuhan.hidup pun bukan lah lama.setakat 50-60 tahun saja.

tapi malang nya ketika Tunku berbagi-bagi kerakyatan dgn orang-orang asing ini,kita gagal menyedari apa jenis bangsa yg kita berurusan dgn nya.kita gagal menyedari orang-orang melarat yg kita anggap sebagai pelarian ekonomi ini sebenar nya menyembunyi niat untuk menguasai Bumi kita dan meminggirkan kita ketepi di Tanah Air kita sendiri.

disebalik kedatangan mereka yg sangat daif,mereka bukan datang sebagai penumpang yg ingin dan akan menghormati Tuanrumah,malah

sebaik saja mengetahui kelembutan hatibudi Tuanrumah, mereka mengeksploitasi nya untuk membolot, merompak, merampok dan menipu segala-gala nya dari kita tanpa sedikit pun rasa hormat dan ihsan terhadap hak kita. ini yg berlaku keatas orang Melayu Singapura. dilakukan oleh LKY. ini juga yg akan dilakukan oleh Lim Kit Siang, Chua Soi Lek, Ekompute atau siapa saja dari kalangan bangsa mereka meskipun itu jiran terbaik kita sekalipun.

LKY telah memberi kita pelajaran penting tentang kaum pendatang ini. mereka langsung tidak boleh dipercayai dan di buat-baik walau sedikit pun. ketika lemah, mereka menipu. ketika kuat, mereka menindas. mereka hanya mentaati dua perkara: perut mereka sendiri dan supremacy bangsa mereka. orang lain, bangsa lain hanyalah kaum yg belum bertamaddun yg tidak setaraf dgn mereka.

tapi Allah itu Maha Bijaksana. ular yg paling berbisa pun ada kelemahannya. disebalik sikap mereka yg suka bunuh diri, kaum ini sebenarnya takut mati. sebab itu mereka Hindraf dan Bersih diterajui oleh pendatang yg satu lagi, sedang mereka sembunyi dibelakang sebagai dalang. pemimpin-pemimpin mereka, baik di Malaysia atau S'pura, berlagak bagai ular terteluh buluh, lurus dan jujur. padahal, orang-orang suruhan mereka, dari berbagai warna kulit, begitu giat menjalankan propaganda kritikan terhadap Kerajaan, terhadap Umno dan terhadap Islam, berselang-seli dan serentak.

Tun, masalah di Negara ini adalah masalah perebutan Ketuanan antara Melayu dan pendatang. dan Kerajaan dan pemimpin kita telah secara terus-menerus berulang kali memberi isyarat yg salah bahwa orang-orang asing ini adalah setaraf dgn kita dalam Hak sebagai warganegara Bumi ini. tanpa sedikit pun memikirkan kepentingan jangka panjang Agama Islam dan Bangsa Melayu, pemimpin-pemimpin kita bercakap tanpa tapis semata-mata untuk meraih populariti dan melaksanakan dasar-dasar yg amat merugikan kita hanya sekadar untuk mengutip undi kaum asing.

memberi hak mengundi untuk kemudian nya menurunkan darjat sebagai peminta-sedekah merayu undi dari kaum yg tidak mungkin akan memberi nya undi tanpa pemberian-pemberian yg lebih besar lagi.

Tun,menghulur salam perdamaian dgn dasar SatuMalaysia sama bahaya nya dgn memberi kerakyatan dan hak mengundi terhadap orang-orang asing ini.Datuk Seri Najib mesti di ingatkan tentang dgn siapa dia berhadapan.ini adalah kaum oppurtunist yg akan mengaup apa saja kebaikan yg kita hulur tanpa mengurangkan sedikit pun maksud jahat dihati mereka.

Datuk Seri Najib harus di ingatkan tentang tanggungjawab nya melindungi Agama,Bangsa dan Tanah Air.Dia harus di ingatkan dgn sejarah dan dia mesti buka mata nya luas-luas dan renung tajam-tajam akan nasib Orang Melayu dan Umat Islam Singapura sebelum buat apa-apa kenyataan yg melibatkan kepentingan Agama,Bangsa dan Tanah Air.orang melayu singapura menjadi "singaporean" adalah gara-gara kebodohan politik perdana menteri malaysia.Malaysia sudah sampai ke perdana menteri yg ke 6,namun tiada satu pun cuba membebaskan Orang Melayu "singaporean" dari penjajahan kuasa asing.sedang kuasa asing itu merajalela menghapus demokrasi demi mengukuhkan kedudukan mereka di bumi kita singapura,Kuasa kita di Malaysia semakin terhakis oleh ketaksuban kita memperluaskan demokrasi tidak terbatas.

Tun,Bangsa kita ada banyak kekurangan.dari Kerabat Diraja,Pemimpin-pemimpin Negara,Menteri-menteri hingga lah Rakyat biasa,ada banyak cacat-cela yg perlu kita baiki dulu sebelum kita boleh layak berbincang menghulur perdamaian kpd orang-orang asing ini.didik lah anak bangsa kita dgn Sejarah,semaikan Patriotisma dan Hubbul Watan secara besar-besaran.

24 August 1511 adalah hari Armada Portugis mendarat dipantai kita sekaligus menamatkan riwayat Empayar Melaka.ini lah hari nya bermula

sejarah penjajahan Nusantara.kemudian Sepanyol datang menjarah Filipina,mengkristian orang Melayu disana secara paksa,sama seperti yg mereka lakukan di terhadap Muslim Sepanyol.disamping kita menyambut 31 August,jgn kita lupa hari malang ini.sebab sejarah yg sama boleh berulang menimpa kita dalam bentuk lain.

Tun,kerahkan lah sisa-sisa pengaruh dan tenaga yg Tun ada untuk menjamin kemaslahatan Agama,Bangsa dan Tanah Air.saya mendoakan Tun dipanjangkan umur dan diberi keafiatan untuk memperbetulkan keadaan yg tidak betul ini.moga amal-bakti Tun terhadap anak-bangsa diberi balasan yg berlipatganda dari Allah Subhanaullah Ta'ala yg Maha Pemurah,didunia dan di akhirat.

Terimakasih Tun.

40.

pakpandir08's Gravatar pakpandir08

August 9, 2011 at 9:18 am | Permalink

Tun ... i am sorry to tell you a fact, which is really a fact today ...

20 tahun yg lalu, apabila ditanya siapa Tun, orang akan kata Tun merupakan Perdana Menteri Malaysia secara automatik ...

sekarang, apabila ditanya siapa Tun, entah kenapa orang ramai termasuk budak-budak akan kaitkannya dengan identiti racist ...

nampaknya ia dah menjadi satu "symbolic" seperti biasanya orang tak panggil mee segera, tetapi maggie mee ... kerana maggie mee telah menjadi simbol kepada mee segera ...

nampaknya identiti Tun akan dikaitkan dengan racist selama-lamanya dalam sejarah "entah kenapa, mesti ada sebab rasanya" saya pun tak tahu ... :p

41.

akuler's Gravatar akuler

August 9, 2011 at 2:00 am | Permalink

Salam Tun, Selamat Menyambut Ramadhan...

Saya tidak nampak yang kerajaan Malaysia hanya mementingkan org Melayu sahaja, kaum-kaum lain juga turut menikmati kemewahan yang diperolehi oleh Kerajaan. Ini cuma adalah agenda parti politik untuk menarik undi rakyat... Bagi saya memang penting/patut untuk menaikkan/menstabilkan ekonomi org Melayu yang mempunyai 60% daripada jumlah rakyat Malaysia. Sebenarnya, menaikkan ekonomi org melayu adalah untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman negara amnya dan bangsa lain khususnya. Ini kerana bagi mengelakkan bangsa yang majoriti ini merasa tertindas dan cemburu dengan bangsa minoriti yang lebih mewah darinya. Ini akan menimbulkan perasaan kurang senang/terancam antara kaum dan menjadikan kestabilan negara tergugat. Setakat ini, perasaan kurang senang/terancam ini tidak lagi terdetik di hati lagi. Bayangkan jika kaum majoriti ini merasa kaumnya seperti mengemis di negara sendiri...saya yakin ini akan menyebabkan kemakmuran negara akan goyah dan bangsa lain juga akan menerima impaknya. Apa yang kerajaan lakukan sekarang adalah untuk kemakmuran negara bukan untuk sesuatu bangsa sahaja.

Sekian pendapat dari saya.

Terima kasih Tun.....

42.

parameswara 2's Gravatar parameswara 2

August 9, 2011 at 12:50 am | Permalink

Dearest Tun

1-When somebody do give sincere feedback to us it is only because they still care.Not necessarily because they have some personal interest to benefit from it.We should always be happy and positive because they cared enough to give us a chance to improve on ourselves.

2-Human make mistakes it is understandable,but when you do not correct them after being tipped off is when you are a fool. I can see many of the die hard supporters of the political parties that just cannot bear to hear anything wrong said as though these parties they overzealously support are led by maksum people.

3-UMNO just like PAS are led by politicians whose only real ambition is to secure power.If the Malays are no longer buying Malay supremacy thing UMNO will change immediately to sell another product exactly like what PAS is doing now.When it is the non Malay votes they are wooing now,they will expediently throw out their fight for Hudud and Islamic state .These are what politicians are all about that is why we must not be over taksab with them.

4-UMNO must remember that their opponent today is not the likes of the divided parties of the past.It is led by a combined group of parties that have been at it for decades.These leaders are all truly determined people many of whom have even gone to jail for their principles .With all the painful experiences behind them these extremely hardened leaders would only have acquired the necessary wisdom to get them closer to their dreams.That they have now become masters in the political game only the foolish and arrogant UMNO people would take lightly.

5-Frankly the only UMNO leader with the experience,the fighting spirit and the wisdom to take on the opposition of this calibre in this gruesome challenge to come is only you Tun and nobody else.

6-I do not believe that Najib is ready for this great challenge.Apart from his impressive package with his excellent personality and apparent diligence he is only one notch higher than Pak Lah in terms of his leadership maturity.It could have probably been because of the similar bangsawan backgrounds they have come from,surrounded by the many sychophants left and right that they have not become used to criticisms.

7-These sychophants may have convinced their bosses that all the criticisms hurled at them are only made out of sheer jealousy of the rakyat marhain they should not be losing sleep over.

8-Najib seem to have learnt nothing at all from the downfall episodes of Pak Lah.Pak lah raised oil prices that pained the people just a little and he was already mercilessly sacked,and now Najib seem to be daring the people with the announcement of a potential even greater price rise through the subsidy cuts that must be done soon to avoid becoming bankrupt in 2019.

9-Pak Lah allowed his son in law to act like the acting PM ,the other reason he was given the boot,and now our glorious Najib is allowing his wife to do the same .This lady is in the news everyday. Some of the interesting reports include her meeting the wife of the ex PM of Japan ..now what is the significance of two housewives meeting each other is to our nation? It is truly amazing even when she was abroad somebody else would represent her and read her text... she seem to be giving the impression she runs the country while Najib does the house chores.

10-The opposition parties will surely not put to waste all these free ammunition by doing what is only natural – by spicing up through youtube

her excesses supported by only God knows genuine documents or not to the ever gullible, gossip loving kepochis across the country who may swallow these allegations line hook and sinker. From my survey down here at the grassroots, the opposition had done a tremendously great job in this division.

11- Everything in politics actually all boils down to just one thing, perception. The rakyat marhain are busy people who have to work like a dog so they really do not have the time to verify the information true or not. While the opposition is working around the clock to paint this negative perception using even the all powerful tools at their disposal religion not excluded, UMNO is on the other hand busy confirming these perceptions with their lack of sensitivity and more blunders.

12- Najib should also not have sidelined Khairi Jamaludin no matter what .He is the UMNO youth chief so rightfully he should have been given a ministerial position. But no it is Mukhriz ,the assistant that got the job. Apart from being Tun's son and older, I don't think Mukhriz have a far better leadership skills compared to KJ.

13- So what is it that Najib hope to get doing this ,to create a more united UMNO? Do you think a highly ambitious and aggressive chap like KJ would take this sort of a humiliation lying down? Although he may be forgiving, will his followers also be just as nice? So other than the existing divisions of Najib, Muhyidin, Ku Li we also now have this not insignificant KJ faction to make things even merrier. I wonder if the Najib's camp could withstand any united opposition within UMNO. Maybe Najib should run a stress test to find out.

14- Yes I do believe that UMNO will be facing one of its worst ever election campaign in her most divided state since the elections of 99, while the opposition is at its most incredibly united level ever. Do not be surprised that some of BN component parties recognizing the non Malay overwhelming support for the opposition may in the last minutes ditched the BN for the

sake of their survival.

15-Maybe the PRU13 should be delayed as long as it takes until the necessary rectifications by Najib to unite and strengthen UMNO again could be done. But that would also mean that things could be even more precarious should the Global economy goes into a recession. The unexpected downgrade of the USA by S & P to AA+ have already seen the markets tumbling today .

16-I sincerely believe if Najib could survive this coming challenge even marginally, Malaysia may soon have found another potential political genius the like of our great Tun Dr Mahathir again. Or maybe we should only decide on this after PRU14.

Thanks Tun.

43.

Oumono Man's Gravatar Oumono Man

August 8, 2011 at 10:04 pm | [Permalink](#)

Peringatan untuk semua orang Melayu Tun. Harap DS Najib bijak mengawal rancangan jahat ini Tun.

44.

nazrimalik's Gravatar nazrimalik

August 8, 2011 at 4:29 pm | [Permalink](#)

Tun, apa pun saya terus terang nak semua orang tau bahawa saya orang Tun Dr. Mahathir. Saya dah mula nak sokong Dato' Seri Najib, bini dia pulak buat skandal cincin RM24 juta tu. Alamak....

45.

anort63's Gravatar anort63

August 8, 2011 at 3:12 pm | Permalink

Salam Tun,

It has been too long Tun....way too long! UMNO has reached its peaked during your time. We have to let go.....it's over! Over for UMNO but not Melayu..... It's about time for a change. You know best that people don't like change....but let us together hand by hand to face the future without UMNO....

46.

bumi malaya's Gravatar bumi malaya

August 8, 2011 at 2:46 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun & keluarga..

Jawapan untuk soalan daripada wartawan itu ialah ` saya seorang melayu dan tentulah melayu di utamakan tetapi tidak lah saya menidakkan hak kaum-kaum lain.Seperti yang kita tahu Malaysia adalah melayu dan majoriti jadi apakah saudara/saudari ingin saya sebagai melayu melebihi pada yang lain?..apa kata bangsa saya nanti?

Jawapan yang betul dan benar kenapa perlu takut atau teragak -agak untuk menjawabnya.Kenapa perlu jaga hati kaum lain yang datangnya sebagai buruh dulu dan minoriti pulak tu.Kalau takut kehilangan undi sekarang pun kita dah tengok apa yang dah jadi sultan,agama,keistimewaan bumiputra semua dah kena usik.Saya akui pemimpin sekarang takut tak kena tempat menyebabkan orang melayu sudah bosan dan tiba-tiba PERKASA muncul dan Tun penaungnya dan melayu seperti hidup kembali.UMNO untuk orang melayu tetapi gagal untuk menjaga orang melayu selepas pemerintahan Tun..Sedih saya juga orang melayu amnya..

Selamat menyambut Ramadhan Tun sekeluarga..

47.

Ibnu Sulaiman's Gravatar Ibnu Sulaiman

August 8, 2011 at 1:44 pm | Permalink

Assalammua'laikum wrt... Tun yang dihormati,

"Kita" merujuk kepada diri penulis, berbahagia Tun dan pembaca mesej ini.

1. Disertakan amaran Allah swt terhadap bangsa Yahudi yang boleh diterima pakai terhadap bangsa-bangsa lain yang mempunyai sikap perkauman (racist). Menunjukkan betapa relevannya Al-Quran sampai hari kiamat Maha Suci Allah swt.

2. "Katakanlah (wahai Muhammad kepada kaum Yahudi): Kalau Syurga negeri akhirat itu telah menjadi hak istimewa untuk kamu pada sisi hukum Allah, tidak boleh dicampuri oleh orang-orang lain (seperti yang kamu dakwakan itu), maka cita-citakanlah mati (supaya kamu dimatikan sekarang juga), jika betul kamu orang-orang yang benar." (Terjemahan Surah Al-Baqarah ayat 94)

3. "Dan sudah tentu mereka tidak akan mencita-citakan mati itu selama-lamanya, dengan sebab dosa-dosa yang telah mereka lakukan dan Allah sentiasa mengetahui akan orang-orang yang zalim itu." (Terjemahan Surah Al-Baqarah ayat 95)

4. "Demi sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati mereka itu setamak-tamak manusia kepada hidup (yang lanjut masanya) dan (lobanya mereka kepada hidup itu) melebihi loba orang-orang kafir musyrik. Tiap-tiap seorang dari mereka suka kiranya dia boleh hidup seribu

tahun, padahal umur panjang yang demikian, tidak akan dapat melepaskannya dari azab (yang disediakan oleh Allah) dan (ingatlah), Allah sentiasa melihat akan apa yang mereka lakukan." (Terjemahan Surah Al-Baqarah ayat 96)

5. Semoga kita tidak termasuk dalam golongan manusia yang menentang, melawan, berperang dengan Allah swt. Amin. Kalau rasa diri sudah cukup hebat; carilah bumi lain untuk berpijak dan udara lain untuk bernafas. Fikir-fikirkanlah dan renung-renungkanlah.

rgds

Ibnu Sulaiman

Bacaan Tambahan:-

1. Jom solat fardu 5 waktu berjemaah
2. Yang Hidup Pasti Mati
3. Jawatan Kosong

48.

clefa78's Gravatar clefa78

August 8, 2011 at 10:38 am | Permalink

Tun,

Saya rasa penerbitan buku yang semacam ini adalah satu strategi bijak daripada BN dalam menangani hujah pembangkang....Rakyat rata-rata perlukan penjelasan terperinci tentang pelbagai isu-isu semasa...

Buku Baru – Terbitan Thinkers Library Sdn Bhd – Meletup ! – Barisan Nasional – Menuju Ke Arah Kemenangan Pilihanraya Umum ke 13

Tajuk Buku – Barisan Nasional – Menuju Ke Arah Kemenangan Pilihanraya Umum ke 13

Penulis : Dr Nik Yahya Abdul Rahman

Pencetak : Laris Resources Sdn Bhd

Penerbit : Thinkers Library Sdn Bhd

No. 123 Jalan Jasa Tiga Taman Jasa Sungai Tua

Batu Caves, Selangor 68100

Malaysia

tel: +60 603-61897570

fax: +60 603-61878525

e-mail – thinkers_library@yahoo.com

ISBN : 978-967-69-0786-8

Buku ini adalah sebuah prediksi berasaskan fakta dan kemelut politik semasa terhadap keputusan pilihanraya ke 13 dimana, semua sebab-sebab kenapa BN pasti menang pilihanraya ke 13 ini dikupas bagi tujuan memberi peluang kepada pengundi-pengundi menggunakan buku ini sebagai rujukan bagaimana membuat pilihan yang tepat pada pilihanraya ke 13 kelak. Buku komprehensif ini mencakupi pelbagai pandangan serta memuatkan jawapan-jawapan kepada semua isu-isu dalaman dan luaran yang dibawa oleh pihak pembangkang yang pasti memberi impak besar kepada para pengundi muda khususnya dan masyarakat umum , amnya. Pendekatan

berdasarkan kaedah Factor Rating digunapakai di dalam membuat analisa terhadap semua parti-parti politik utama di Malaysia. Empat piawai digunapakai di dalam menganalisa setiap parti politik iaitu ;

Konsisten, Pembangunan Berterusan, Kesejahteraan dan Pembetulan Dalaman.

Ke-empat-empat kriteria ini juga sudah mencukupi bagi memberi satu jawapan yang terperinci tentang apakah sumbangan sesebuah parti politik di Malaysia di dalam menjaga hak-hak serta kepentingan-kepentingan rakyat berbilang kaum, bangsa dan suku etnik di Malaysia ?

Penerangan tentang Dasar-Dasar Kerajaan Barisan Nasional daripada tahun 1957 sehingga 2011 juga dimuatkan agar menjadi bukti tentang kesungguhan serta iltizam Kerajaan Barisan Nasional merangka rancangan-rancangan jangka pendek serta jangka panjang dan statistik kesan-kesan perancangan tersebut kepada pembangunan sosio-ekonomi Malaysia.

Kaedah SWOT Analysis telah digunakan di tempat-tempat yang bersesuaian membincangkan tentang Strength (Kekuatan), Weaknesses (Kelemahan), Oppurtunity (Peluang) dan Threat (Ancaman) dan diterangkan dengan diselit dengan fakta-fakta yang jelas serta rapi. Buku ini boleh dijadikan "Hand-Book" bagi petugas – petugas jentera-jentera pilihanraya bagi menghadapi rakyat yang memerlukan penjelasan yang mudah tetapi tepat berkenaan dengan apakah faktor-faktor yang perlu diambil kira sebelum membuat keputusan untuk menunaikan tanggung-jawab di dalam latihan demokrasi di pusat-pusat pengundian.

Satu ciri buku ini adalah selain daripada fakta-fakta yang dikemukakan, Debat Rakyat adalah bahagian dimana contoh-contoh senario berlatarbelakangkan kemelut politik semasa dikarang dalam bentuk skrip

dimana terdapat perbincangan serta debat-debat antara penyokong-penyokong kerajaan dengan penyokong-penyokong pembangkang ditulis dengan gaya bersahaja agar diambil pelajaran dan pengajaran daripada Debat Rakyat ini.

Buku ini merupakan jawapan kepada semua hujah-hujah yang dikeluarkan oleh puak pembangkang yang sudah kehabisan modal serta dilanda pelbagai isu yang bakal memecahkan kesatuan serta kredibiliti Pakatan Rakyat.

Pemintaan dijangka melebihi pengeluaran – Sure 100% Best Seller.....

Dapatkan naskah anda di ;

Thinkers Library Sdn Bhd

No. 123 Jalan Jasa Tiga Taman Jasa Sungai Tua

Batu Caves, Selangor 68100

Malaysia

tel: +60 603-61897570

fax: +60 603-61878525

e-mail – thinkers_library@yahoo.com

Sila hubungi Brother Isa di – 0192205015

atau Haji Latif di – 0166856285

Nota : Buku ini dijangka keluar sebelum Hari Raya Aidilfitri, insya Allah.

49.

rashidan ahmad's Gravatar rashidan ahmad

August 8, 2011 at 9:54 am | Permalink

As'kum Y.Bhg. Tun,

1. I remembered my Chinese Boss once said (when you were our PM then) that he always respect you because to him "you will do anything that will benefit the Malays" and at the same time "you will do anything to benefit the Malaysian". I agree with him. Until today you are always consistant in your stand.

2. I also remembered that you once said "...jika kita tidak ada kedudukan, dosa kita tidak begitu nampak, tapi apabila kita dah jadi pemimpin "dosa" kita jelas akan ternampak. That's the prize of being a "pemimpin".

3. What ever it is, I will always support PM,TPM and you Tun because the three of you have the same stand towards the Malays and Malaysian.

dan kajang

50.

solve_it's Gravatar solve_it

August 8, 2011 at 9:38 am | Permalink

sepatutnya pertandingan adalah perkara yg sihat dan amat baik akan

tetapi UMNO bersikap monopoli seolah olah tak boleh hidup tanpa berpaut menjadi kerajaan selama lamanya.

klu tidak gentar bersaing secara sihat mungkin sy jua akan sokong tp ada baik biar UMNO dikalahkan klu matlamat ingin kekal saja tanpa ada persaingan.

51.

HBT456's Gravatar HBT456

August 8, 2011 at 9:20 am | Permalink

Good morning Tun,

385. Menghancurkan UMNO will send chills and fear out there if the old ones are unable to intercept the meaning of it.

386. Some people just feel that they are the heroes, chosen by their die hard fans only, who believe that they are here to save their races by spending public monies as if the people are blind and dungu.

387. To them, there is a myth that politiking ala king making can bring kekayaan ala celebrity styles, kan ini bukan duit mereka.

388. The 1 Kedai Malaysia video clip paid and brought by BN is another disaster after 8 TV commercial advertisement on Buka Puasa which target young, liberal and educated Chinese viewers, and the result turned out to be an insult which can make these young voters to instruct their families and relatives not to vote BN.

389. How to intercept why PAID advertisement innovations and creativity are lousy and no taste, just go into Youtube and search for bad advertisements, then you will know why consumers do not want to associate themselves with these particular branding.

390. If BN can do that that to the voters, then voters can do that voluntarily, at no charge some more, in YouTube too, contohnya, the song sang by our burger rose mah target to common women in YouTube.

391. This is "Humpty Dumty effects".

392. Look at Korea, the population is smaller than Malaysia and yet they can bid for Summer Olympic 2018 in its CAPITAL city.

393. TS Koh Tsu Koon now knows why the philosophy of "taichi" is well know in the world.

394. Signing pledge is important to show that Gerakan is serious in maintaining its support to the national coalition.

395. If those who have signed and do not bind to the pledge, what will Gerakan TS Koh Tsu Khoon, and MCA Dr Chua Soi Lek, do then when they get themselves landed in the position of 'luah mati mak, telan mati baba again?

396. Malaysia rose because of race base political parties.

397. Malaysian political parties will fall when rakyat no longer vote in the ballot boxes.

398. Generally, Malaysians are smarter and practical, and they do not favor politicking today, thanks to IT innovations brought in by that Pemerintah Kukuh Besi.

399. Like we say, people can do what they want on land, the sky is always watching up there.

400. If the political leaders do not fit, it would be better off for them to think of other areas that can make them earn comfortable lifestyle.

401. The American ethnic values in protecting its democracy and liberty is a good example that they should learn from them.

Good day Tun.

52.

candrakirana's Gravatar candrakirana

August 8, 2011 at 6:35 am | Permalink

Saya terasa nak muntah apabila melihat terlalu byk iklan KPKK yang ntah apa2 maksud penyampaianya. Kalau dilihat sekarang lebih banyak non-malays yang tak tahu cakap bahasa melayu. Cakap bahasa inggeris pun tak pandai jugak. Sekolah kat mana tu agaknya ya? Apakah tujuan orang2 ini dibawa masuk? Pemimpin2 kaya dan kroninya selamat dengan kediaman gated komuniti mereka. Tetapi kami yang tinggal di pinggiran ini merasa seperti tinggal di negara lain.

Wassalam.

53.

shooter's Gravatar shooter

August 8, 2011 at 4:04 am | Permalink

salam tun,

Walaupun Tun tak sebelah mana-mana pihak dalam UMNO, namun ramai yang lebih sukakan Muhyidin nanti. Diharap beliau akan menggantikan Najib.

54.

sidrus's Gravatar sidrus

August 8, 2011 at 2:19 am | Permalink

Salam yang di hormati dan di kasihi Tun, semoga sentiasa sihat supaya boleh terus menyumbang kepada rakyat Malaysia yang dahagakan kata-kata dan idea bernas Tun. Pada pendapat saya, "tiupan kononnya PM dan TPM tidak sehaluan" adalah suatu usaha yang sememangnya mempunyai niat jahat (bad intentions) kepada UMNO. Kemungkinan puak-puak atau orang tertentu ini tidak senang melihat kerjasama yang terjalin baik di antara Dato Seri Najib dan Tan Sri Muhyiddin dalam usaha kedua-duanya memperkasakan negara demi rakyat Malaysia. Perkara ini juga pernah wujud pada zaman Tun menjadi PM dan juga yang sebelumnya.

Usaha ini walau pun di lihat seperti "cubaan yang di sengajakan", boleh membawa kepada kegusaran terutamanya dari ahli2 UMNO sendiri terutamanya di peringkat akar umbi.

Saya tidak pasti apakah cara yang terbaik menangani perkara ini tetapi tidak boleh di biarkan juga atau tidak di endahkan oleh Dato' Seri Najib dan Tan Sri Muhyiddin.....ia mesti ada kaitan juga dengan "orang-orang yang di sekeliling mereka" yang mungkin "gila kan kuasa" dan

“hanya mementingkan diri mereka sendiri”.

Salam Ramadhan dari saya

55.

anakbudu3's Gravatar anakbudu3

August 8, 2011 at 12:43 am | Permalink

ASSALAMUALAIKUM AYAHNDA TUN & BONDA,

JIKA AYAHNDA TERASA HATI DGN DAKYAH MRK, ANAKNDA LAGI LA SAKIT HATI SANGAT2!!!

SEMOGA AYAHNDA & BONDA DIRAHMATI ALLAH SWT...

56.

ambia's Gravatar ambia

August 7, 2011 at 9:44 pm | Permalink

Saya berpendapat ramai yang suka bercakap apa saja dalam politik sampai tak kenal diri sendiri espacially melayu yang dah dapat habuan masih ragu ragu masa depan mereka dan mudah lupa asalnya.

57.

cm9410's Gravatar cm9410

August 7, 2011 at 7:53 pm | Permalink

Askum Tun Dr,

Memang kena pada masanya Tun bawa hal ini. Dah banyak sangat fitnah tentang kerajaan n umno. Sokong Tun buka tembelang puak-puak buat keja pecakkan melayu..

Kuat lagikah Melayu sekarang?????

58.

CikguAzizSgTiang1961-1984's Gravatar CikguAzizSgTiang1961-1984

August 7, 2011 at 6:10 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun Det ,

1. Orang Melayu tidak perlu takut racist kerana top ten orang yang terkaya di Malaysia adalah mereka yang majoritinya berketurunan Cina , ada seorang India dan seorang Melayu.
2. Di dalam pendidikan semua bangsa mendapat tempat , bahkan bangsa Cina lah yang banyak serta mampu menghantar anak mereka ke luar negara.
3. Kalau di lihat iklan-iklan di paper Star , News Strait Times dengan jelas menunjukkan iklan-iklan yang berkehendakkan berbahasa Mandarin untuk jawatan mereka.
4. Kenapa kita sebagai orang MELAYU takut sangat bila kaum lain kata kita racist ? Kita ada HAK kita dan kita tidak menzalimi mereka kaum Cina dan kaum India. Apa yang benar perlu kita tegakkan serta tidak perlu mengalah.
5. Melayu ini bila dah berjaya mudah lupa diri , dah jadi peguam dan akauntan boleh kata sistem pendidikan negara kita jumud sedangkan pelajar negara kita pelajar tahun enam dah tahu kat mana itu London . Budak Mat

Salleh pun tak tahu kat maner New York.

59.

CikguAzizSgTiang1961-1984's Gravatar CikguAzizSgTiang1961-1984

August 7, 2011 at 5:57 pm | Permalink

Assalamualaikum Yg Di Kasih Tun Det ,

Seperti jutaan rakyat Malaysia sedia maklum , didalam intipati diri seorang Melayu akan menjawab diri kita yang berbangsa Melayu adalah Melayu daripada Malaysian. Namun yang amat dikesali ada dikalangan orang-orang Melayu yang suka memperlagakan sesama Melayu terutama dikalangan pemimpin UMNO dan ahli-ahli UMNO. Pada pendapat saya walaupun prinsipnya terhadap Melayu tetapi negara kita sudah melampui masa yang cukup lama menunjukkan sebuah negara "PERPADUAN KAUM" semenjak merdeka lagi sehinggalah hari ini.

UMNO sebagai TUNJANG pemerintahan perlu memperbaiki apa kelemahan yang wujud untuk memastikan ERA pemerintahan UMNO terus disokong oleh MAJORITI RAKYAT Malaysia sebuah negara bertuah ini. Janganlah ada pemimpin yang sanggup mempergadai perjuangan BANGSA MELAYU YANG BERAGAMA ISLAM hanya untuk KEPENTINGAN kuncu-kuncunya sahaja untuk mencapai 'Kekayaan Luarbiasa'. Buangkan tabiat buruk serta jangan memilih CEO GLC ataupun Naib Canselor IPTA yang bukan SEBENARNYA PENYOKONG KERAJAAN kerana mereka ini juga menanggung diair yang keruh untuk kepentingan agenda politik mereka contohnya TS Khalid Ibrahim yang mana Kerajaan telah memberikan pelbagai jawatan penting kepada beliau serta memberikan puluhan jutaan ringgit pinjaman tetapi akhirnya menjadi 'PENYOKONG' parti pembangkang serta bersama-sama dengan pembangkang untuk menghancurkan segala usaha murni KERAJAAN BARISAN NASIONAL sebelum ini.

Apakah UMNO perlu membenarkan lagi manusia yang telah dibantu dengan segala apa jua kemudahan kemudiannya berpaling tadah dengan begitu mudah ?

Ini juga seperti yang Pak Det maksudkan adanya segelintir daripada NGO yang telah berusaha untuk memperlagu-lagakan antara Dato Seri Najib dan Tan Sri Muhyiddin supaya UMNO ni hancur dan melaratlah lagi survival ekonomi masyarakat Melayu sedangkan mereka ini telah menikmati segala kemewahan daripada PARTI UMNO sendiri dan KERAJAAN BARISAN NASIONAL. Kenapa orang Bangsa kita 'Melayu' mudah lupa diri dan sanggup menpergadaikan Bangsa Melayu ?

Jadi Pak Det sebagai orang yang ada KREATIBILITI , Pak Det bolehlah menjadi orang tengah agar jangan ada pertembungan antara orang Dato Seri Najib dan Tan Sri Muhyiddin. Sekiranya ada lagi pertembungan survival UMNO berada dalam kedudukan kritikal.

Saya ingin mengambil kesempatan disini juga agar Kerajaan mendakwa si durjana Ambiga itu yang berani membuat tohmahan palsu kepada Kerajaan BN tanpa ada ASASnya seperti manusia yang suka menuduh tetapi FAKTA buktinya tiada, apakah ini dikatakan relevan ?

Sementara ada lagi generasi veteran UMNO sekarang ini boleh digunakan untuk membuat penerangan menyeluruh di seluruh negara terutama kepada guru-guru sekolah , pensyarah-pensyarah IPTA dan IPTS.

UMNO masih relevan apabila pemimpin mahupun ahli-ahlinya bukannya berada di dalam UMNO untuk mengaut KEKAYAAN. Orang di kampung-kampung perlu didekati bukannya bila nak pilhanraya barulah turun berduyun-duyun serta memanggil orang di kampung dengan nama Pak Long , Pak Ngah , Mak Long dan Mak Ngah. Sikap pemimpin UMNO yang suka berdemoskrasi hendaklah di tolak kerana ini adalah anak didik si lahanat Anwar Ibrahim.

Ahli-ahli UMNO perlu jujur kepada diri sendiri serta memperjuangkan UMNO sehingga ke penghujung zaman serta perlu sentiasa peka terhadap kehendak rakyat dan tuntutan rakyat serta jangan memperkayakan diri sendiri terutamanya pemimpin-pemimpin UMNO zaman kini.

Kepimpinan UMNO juga perlu siasat terhadap kepimpinan tertinggi Universiti Teknologi MARA iaitu Naib Canselornya yang banyak terlibat dengan kes-kes rasuah serta merupakan penyokong kuat si lahanat Anwar Ibrahim masih boleh mempermainkan ramai pemimpin UMNO untuk kepentingan kuasanya sebagai Naib Canselor.

Akhir kata segala kata nasihat masih relevan kepada Presiden dan Timbalan Presiden UMNO sekarang ini , jadi saya serta keluarga hanya mendoakan UMNO terus kekal kukuh dan rakyat bangsa Melayu hidup bersatu padu.

Selamat menunaikan puasa kepada Pak Det dan Tun Dr Siti Hasmah sekeluarga

60.

halu's Gravatar halu

August 7, 2011 at 1:35 pm | Permalink

Dear Tun,

I don't see any little good reason for a corrupted party remain in this country. UMNO is rotten to the core. Why they are so afraid of French lawyer William Bourdon ? Siapa makan cili, siapa rasa pedas. The 24billion of ring in a hand of a First lady. Where the money come from? KhirToyo mansion. Money? Don't fool the rakyat anymore. We are smarter than ever. PAS is thousand better than UMNO. U r lucky to sit 22yrs due to internet not widely used during your era.. If you are in this era, u will serve the same fate.!

61.

krish's Gravatar krish

August 7, 2011 at 10:28 am | Permalink

Salam Tun....

I am Indian Hindu Tamil...Wil declare more Malaysian.

62.

milshah's Gravatar milshah

August 7, 2011 at 8:57 am | Permalink

Assalamualaikum Tun,

Perdana Menteri Dato' Seri Najib harus menumpukan kepada agenda membangunkan negara terutama keadaan dunia sekarang yang kian tidak menentu baik dari segi ekonomi maupun politik dan memantapkan jentera BN untuk menghadapi pilihanraya umum akan datang.

Usah dilayan politik murahan yang sengaja ditimbulkan pihak-pihak tertentu untuk memecah-belahkan orang-orang Melayu.

Seperti yang pernah saya katakan dulu, apabila orang-orang Melayu bersatu akibat pembangkang yang terlampau pro orang bukan Melayu, mustahil pembangkang dapat menawan Putrajaya.

Jadi saya lihat bermula dari Bersih, sekarang timbul pula isu menjatuhkan PM pula, semuanya bertujuan supaya orang-orang Melayu berpecah-belah kerana apabila orang Melayu berpecah, orang bukan Melayu yang akan menjadi penentu kemenangan dalam undi atau 'king maker'. Jika keadaan ini berlaku maka menanglah Pembangkang dalam pilihanraya akan datang.

Sebab itu dalam keadaan getir sekarang ini, adalah amat penting supaya orang Melayu bersatu walau apapun sekali pun.

Saya rasa tak penting soalan sama ada seseorang itu lebih Melayu atau lebih Malaysian.

Kalau ditanya pemimpin DAP sama ada mereka lebih chinese atau

lebih Malaysian, tentulah mereka akan kata mereka lebih Malaysian. Tetapi kita semua tahu tindakan mereka selama ini adalah untuk kaum cina semata-mata.

Jadi 'walk the talk' adalah lebih penting dari sekadar slogan 'saya lebih Malaysian' yang hanya merupakan gimik politik bertujuan untuk meraih undi.

Sedangkan di bawah BN kepentingan semua kaum terjaga.

63.

amin tan's Gravatar amin tan

August 7, 2011 at 8:36 am | Permalink

Salam Tun,

Kata2 Tun memang benar. Pada pendapat saya pemerintahan Tun amat adil dan saksama. Rata2 kaum Melayu agak lemah dalam taraf sosio-ekonomi jika dibandingkan dengan kaum Cina dan India. Untuk sedikit sebanyak menyeimbangkan keadaan, hak istimewa diberi kepada Melayu. Tetapi ada juga peluang ini dijadikan ali baba apabila Melayu kurang peralatan atau kepakaran. Kaum Cina dan India pun setuju dan sedar terhadap matlamat murni dasar ini pada pemerintahan Tun.

Tetapi, kini apabila bekas timbalan Tun dipecat atas tuduhan kelakuan sumbang, beliau dan pengikut2 telah tubuhkan PKR dan digabungkan dengan PAS dan DAP, mereka sepakat hasut kaum Cina dan India mengatakan melayu UMNOlah yang jahat dan racist. Datuk Ibrahim Ali dijadikan mangsa benci fitnah mereka dan dikatakan dalang racist ialah Tun. Tuduhan rasuah, anak Tun terlalu kaya dan lain2 fitnah salah laku dilemparkan terhadap Melayu UMNO. Mereka mencipta istilah UMNOPUTRA. Serangan mereka begitu berani sehingga ke dalam blog Tun mereka biadab

dan setengah2 Melayu berkepentingan terikut-ikut.

Pendek kata, orang2 Cina dan India betul2 terhasut oleh PKR. Memang PR13 amat sukar untuk UMNO.

amin tan

64.

surandran's Gravatar surandran

August 7, 2011 at 8:30 am | Permalink

Good morning Dear Tun,

My name is Surandran , Malaysian , 47 years. This is the first time I am ever posting something in a blog and it's great to do it on your blog. I only "met" you in person once whilst there was a big flood in Kelantanguess I was a good 100 meters away from you. However I have always followed you via the news.

Sir , you are my hero you have done so much for this country. Yes there were mistakes but then again you are only human – even parents with just 4 kids to mistakes – what more then rullin a country.

I have the change to met a lot of foriegners and most are "supporters" of you.

I will never forget the money crisis where you pegged the Malaysian ringgit – I am no economist just a simple wage earner working in an International company and you policy was real good.

Take care sir and Selamat Berpuasa

Best Regards

Surandran

65.

Hajar's Gravatar Hajar

August 7, 2011 at 6:54 am | Permalink

Salam YAB & diKasihi Tun,

1. Biasalah, taktik MELAGA-LAGA kan orang tertentu ialah cara efektif yang dapat memecah-belahkan pemimpin-pemimpin UMNO & dengan tujuan untuk menghancurkan UMNO. Saya harap rakyat Malaysia boleh berfikir secara rasional dan waras supaya tidak tertipu/terpengaruh dengan dakwaan/dahyah mereka yang berkepentingan politik/peribadi semata-mata.

2. Sama juga dengan soalan Melayu ke "Malaysian" dulu? Tujuannya ialah untuk melaga-lagakan pemimpin-pemimpin tertentu. Saya mengaku yang saya lebih MELAYU berbanding "Malaysian". (Saya Melayu dahulu, baru "Malaysian"). Sebabnya ialah saya tidak akan dapat menukar STATUS MELAYU saya & walau kemana sahaja saya pergi, saya MASIH TETAP MELAYU dan saya tidak dapat menukar hakikat ini.

3. Namun, saya BOLEH MENUKAR KEWARGANEGARAAN saya (jika saya mahu). Lagi satu, bangsa/kaum Melayu tidak semestinya "Malaysian". Ramai juga bangsa Melayu yang bukan "Malaysian".

4. Jadi saya tidak faham apa masalah mereka yang mempertikai samada seseorang itu mahu mengaku lebih Melayu berbanding "Malaysian"

atau sebaliknya. Orang dungu/bingung saja yang akan menjadikan ini sebagai satu isu besar sebab seorang Melayu akan tetap ("guarantee") Melayu sehingga ke akhir hayat nya. Namun, tiada sesiapa boleh "guarantee" yang seorang "Malaysian" akan kekal sebagai "Malaysian" sehingga ke akhir hayat beliau.

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah SWT melindungi Tun sekeluarga. ***

66.

SYAMiLLiON's Gravatar SYAMiLLiON

August 7, 2011 at 5:39 am | Permalink

Thank you Tun for nice article.

67.

joashe's Gravatar joashe

August 7, 2011 at 5:02 am | Permalink

Salam,

Mungkin sudah sampai masanya umNO dibubarkan kerana telah jauh menyimpang semenjak Tun memegang terajunya. umNO telah menyalahgunakan kuasa yang telah diamanahkan oleh rakyat, dan mempergunakan pangkat untuk memenuhi akaun bank ahli ahlinya serta kroni tertentu semata. Sudah tiba masanya menaikkan Malaysia ke taraf yang ia sepatutnya berada. Bukan seperti sekarang dalam keadaan ekonomi yang hampir mufliis setelah dirompak oleh kerajaan umNO. Apalah yang akan tinggal pada rakyat jika kerajaan umNO memerintah lagi lima tahun. Per capita income dikatakan USD7,000 tetapi berapa peratus kah rakyat

yang sebenarnya berpendapatan USD7,000 setahun. Terlalu besar jumlah rakyat yang terpaksa hidup dengan berhutang seumur hidup. Cukuplah kekayaan yang telah diragut pemimpin umNO dan kroni kroninya. Masih tidak cukup kah beratus ratus juta yang telah dikumpul menteri menteri. Bukannya boleh dibawa masuk kubur pun.

68.

MiddleAges's Gravatar MiddleAges

August 7, 2011 at 4:44 am | Permalink

Salam Tun,

It is easy. Just imagine life without UMNO.

Thank you kindly Tun.

69.

sitinur's Gravatar sitinur

August 7, 2011 at 3:30 am | Permalink

Asalamualaikum bapak...

selamat berpuasa....maaf cakap ler yer sebenarnyer yg membuka ruang tuk org len menghancurkan umno adalah org umno sendiri....kaler najib ngaku melayu dulu baru m'sia pn org masih kurang percaya kerana pendekatanyer lbh kpd bangsa len pn....beza maser zaman bapak jd pm dulu walo digelar ultra melayu pendekatan adelah samerater jer....yg patut kne caras bapak caras xkira maner2 bangsa...yg patut di sokong bapak sokong xkira org len kecil ati ker makan ati ker...sayer suker jer care bapak...bapak kata a mesti a xkan ubah jd b o csepatutnyer najib amik peluang sekarang ni tuk mendekati org2 melayu yg la ni rasernyer dah makin keliru ngan pas nih...

pas n pkr dah makin byk masalah jd umno terutamanyer najib kna lah buat tindakkan yg org2 melayu boleh nampak najib sayangkan ugama dan bangsanyer.....pendapat sayer jer ler....

70.

Blog Sensasi's Gravatar Blog Sensasi

August 7, 2011 at 2:06 am | Permalink

apa dah jadi ni.....mana yg boleh diikuti ni ek?

Blog Sensasi

71.

parameswara 2's Gravatar parameswara 2

August 7, 2011 at 1:48 am | Permalink

Dearest Tun

1-I think it is normal for the political parties to plot for the downfall of their rivals.They have nothing personal against UMNO they are all only for themselves.That is why it is so very important we have a really credible leader up there to head UMNO.If you ask me that somebody must be just like you, a someone who has got to really fight to be a leader.

2-But the problem is you held on to power too long depriving your successors any opportunity to lead effectively.Further more the leaders reserved to take over are only from among the bangsawan,people who have been earmarked and parachuted up by virtue of their bangsawan blood.

3-They have never really been tested and also do not really know the real life of we Marhain here on main street.Many of them I guess have never

even tried any of our public transportation being children of former prime ministers before. Their only knowledge on how to win support is by promising funds to the people, using the 'I help you you help me' technique. I guess they think the rakyat marhain are cheap people, offer them money and they'll do anything.

4-He also actually think that the rakyat marhain today are still the same people 40 years ago who look up to them like dewas and can tolerate their nonsenses. The rakyat marhain did not vote his wife to run the country but does he care?

5-Perhaps he also doesn't know that one of the reason paklah's felled like a log was due to his raising the petrol prices. Coz if he does why on earth did he provide early ammunition to the opposition by excitedly and impatiently announcing Idris Jala Vision 2019 to cut down subsidies?

6-And the biggest mistake he has made in my opinion was surely to announce the One Malaysia slogan knowing very well there is no way he can do that without him risking Malay votes. While the non Malays are still skeptical the Malays are now perceiving him kaki bodek non Malays. Didn't you remind him that when you try to please everyone you will please no one? Could that be the reason why its very difficult to find anybody having the Jalur Gemilang on their cars inspite of the on going campaign unlike the time you were the PM?

7-The opportunist within UMNO are aplenty. While some may plan a coup d'etat from within, some other may be planning to do it from without. Muhyidin could easily be reminded that if he doesn't exploit this opportunity before him now he may later risk losing his position to Najib's cousin Hishamudin knowing just how much more bangsawan blood is flowing in that chap compared to him.

8-Tengku Razaleigh on the other hand may want to try his luck for the PMs chair for the last time, a chance that would only be more realistic from the outside. He could contribute to a significant loss of UMNO supporters should he decide to cooperate with his former accomplices. In politics there are no permanent friends or enemies, just common interest.

9-Of course with a highly sophisticated ,conspiracy mastermind,hardened,and very desperate,trained in jail leadership on the other side any weaknesses in the part of UMNO leadership will be quickly exploited to his benefit come this pru13. This chap could be brewing something that may actually see UMNO bite the dust.

10-Let us all hope that Najib will have the leadership to save UMNO from finally becoming history or else, Tun you surely can say, along with all your Perkasa friends, we contributed!

Thanks Tun

72.

NASH's Gravatar NASH

August 7, 2011 at 1:38 am | [Permalink](#)

Salam Tun, soal siapa lebih kepada kemelayuan adalah perkara kecil pada UMNO. Yang menjadi kemarahan orang ramai sekarang ialah perangai Rosmah, isteri Najib. Rosmah lebih menonjol daripada Najib dan barang yang dibeli bernilai ratus juta dan terakhir sekali pembelian cincin dan pangsapuri di USA. Ini tidak termasuk perbelanjaannya semasa lawatan diluar negara dan penginapan di hotel hotel mewah. Saya juga dapati inilah pertama sekali Perdana Menteri Malaysia tidak menghadiri tilawah Al-Quran baru baru ini. Jadi, dimana letahnya keMelayuan Najib.

Terima kasih.

73.

Tum_man's Gravatar Tum_man

August 7, 2011 at 1:24 am | Permalink

Yg dihormati Tun,

Mohon menyatakan keyakinan trhdp UMNO no.1 & no.2. No.2 pernah berkata yg no.2 akan brpegang pd status no.2 dan tdk mau melangkaui no.1 dan no.1 berpegang dan pengasas/pmbawa obor concept "tolerance & acceptance". Amat yakin dgn kenyataan2 ini....so bye bye kpd usaha yg sia-sia itu.

Tq & Selamat berpuasa

74.

shah 2's Gravatar shah 2

August 7, 2011 at 12:59 am | Permalink

Assalamualaikum dan salam sejahtera Tun serta pembaca semua.

Isu perkauman nampaknya tidak dapat dipisahkan dari politik Malaysia. Ini ialah cabaran pemerintahan di negara yang berbilang kaum. Malaysia tidak senang ditadbir. Perlembagaan yang sepatutnya dijadikan panduan sudah dianggap tidak relevan bagi sesetengah pihak. Oleh itu, kita mesti tekankan keluhuran perlembagaan yang menjadi sumber permuafakatan di masa silam kepada generasi hari ini. Tidak akan wujud kata sepakat seperti itu jika tiada kebenaran dan keadilannya.

Jika ada pihak yang menafikan perjuangan UMNO, mungkin mereka

tidak tahu akan perjuangan UMNO. Atau mungkin mereka tidak pernah menjadi mana-mana ahli politik yang berjuang untuk negara. Mereka mungkin hanya mahu melihat sesuatu yang diinginkan menjadi milik mereka. Kajiblah perjuangan UMNO serta Barisan Nasional secara menyeluruh dan sertailah politik untuk menilai keberkesanan idea tersendiri yang mahu diperjuangkan. Menghancurkan UMNO bukan penyelesaian kepada masalah. Menghancurkan UMNO juga bukan bererti mendapat apa yang dikehendaki. Pengetahuan tentang sejarah dan realiti sekarang akan mengajak kita bertindak secara praktikal.

75.

tahir757's Gravatar tahir757

August 7, 2011 at 12:58 am | Permalink

Salam Tun dan Tun Dr Siti Hasmah.

The answer to the reporters who ask those question should have been " what answer do you want me to give you " and then leave it at such for those reporters to find an answer for themselves.

Yes Tun those journalist have an agenda either for themselves or for their bosses in trying create tension between PM and DPM.

There is no need to give them any answer to such question.

Whatever the answer given to them, they will manipulate it to their benefit and make PM or DPM look wrong or stupid.

Another answer should be to ask them who ask them to ask this question in the first place. Dont give them any straight forward answer and make us look like a fool.

Sometime we can even throw back the question to the questioner. High office bearer should be taught how to be sarcastic when answering question from reporters who are themselves sarcastic.

Selamat Berpuasa TUN.

76.

pduihmail's Gravatar pduihmail

August 7, 2011 at 12:55 am | Permalink

TM..In order to get beyond racism, we must first take account of race. There is no other way. And in order to treat some persons equally, we must treat them differently. :)

77.

crazy diamond's Gravatar crazy diamond

August 7, 2011 at 12:43 am | Permalink

Salam Tun,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Ramadhan, moga Ramadhan kali ini memberi penuh syafaat dan rahmat kepada Tun sekeluarga, Insyaallah.

UMNO adalah merupakan salah satu tajuk yg sering menarik perhatian saya, malah secara tak langsung Tun telah banyak mengajar saya tentang erti perjuangan, disiplin & prinsip seorang pejuang. Dimana prinsip kebenaran merupakan tunjang kpd perjuangan setiap pejuang. Tun sejak dahulu lagi berpegang kpd prinsip tersebut, malah satu ketika Tun pernah menghadapi cabaran & kesukaran dlm perjuangan Tun. Walaubagaimana pun itu merupakan asam garam setiap pejuang, krn setiap mempertahankan yg hak & kebenaran, menentang yg batil akan sentiasa menghadapi kesukaran & cabaran yg sering kali penuh dgn dugaannya. Hasilnya sering kali mengambil masa yg panjang, maka ia menuntut kesabaran. Oleh itu, Tun tetap kekal spt sekarang, tetap sihat tubuh badan, minda tetap kekal cerdas. Berbanding musuh politik Tun yg sering mengambil tindakan jangka pendek, yg hanya menguntungkan mrk pada jangka masa pendek sahaja.

Berbalik kpd isu di atas, berbagai cara telah diusahakan & sdg dijalankan oleh musuh dlm selimut mahupun musuh yg jelas terang lagi bersuluh utk menjatuhkan UMNO dgn apa cara sekali pun, sama ada secara halus mahu pun secara kasar. Pemimpin UMNO haruslah cekap dlm articulate kaedah halus tersebut. Dlm hal tersebut, saya berpendapat DSN memahami maksud soalan pemberita tersebut & menjawab secara bijak soalan tersebut. Setiap pemimpin UMNO bijak dlm articulate & tajam dlm menjawab setiap soalan pemberita. Inilah salah satu kelebihan Tun sbg org politik, sering memberi jawapan secara spontan serta tajam. Bahasa yg digunakan mudah difahami, kdg kalanya begitu sinis sekali. Inilah salah satu kelemahan beberapa ahli politik UMNO, tidak pandai dlm menyoal balas pemberita.

Pada hemat saya, tidak dinafikan DSR boleh menjadi a pain in the arse kpd populariti DSN & kreadibiliti UMNO. Namun begitu faktor DSR juga boleh menjadi faktor check & balance kpd DSN. Semua ini terpulang kpd DSN dlm mengawal faktor ini. Pada saya, selagi pemimpin itu sedia mendengar pandangan akar umbi & rakyat marhain, beliau akan mampun berhadapan dgn faktor tersebut. Semuanya bergantung kpd beliau, faktor luaran & dalaman hanyalah faktor pencetus, jika beliau gagal berhadapan dgnnya, maka akan dilihat sbg seorg yg gagal. Saya berharap beliau sedar & memahaminya.

78.

shooter's Gravatar shooter

August 7, 2011 at 12:13 am | Permalink

Assalamualaikum Tun,

Kalau saya akan jawab saya lebih islam, tidak melayu ataupun malaysian. Islam bermakna tidak racist dan menyayangi setiap individu seperti menyayangi diri sendiri. Orang Islam selalu mengamalkan prinsip keadilan yang tegas. Bukan susah nak jawab jika kita tak perjuangkan bangsa kita semata.

Bagi orang yang jujur pada diri sendiri dan percaya pada Allah soalan begitu tidaklah susah untuk dijawab dan tidaklah perlu kluatir akan masa depan Melayu yang kononnya dijaga UMNO. Dalam hati org Islam itu jika ditanam rasa cinta pada Allah tiada kekluatiran akan hilangnya ketuanan Melayu.

Kalaulah satu hari nanti Malaysia tidak diperintah oleh orang Melayu, dan melayu dizalimi sudah pasti semua akan bersatu menentang kerajaan zalim. Berperang sudah pasti. Tidak perlu kluatir membunuh orang Islam sendiri kerana bukan orang Islam yang zalim pada masa itu.

Sekarang ini kita banyak risaukan sesuatu yang bukan-bukan. Jatuhnya UMNO tak bermakna jiwa kita jauh pada Allah.

(sesungguhnya islam itu datang menghapuskan perjuangan kaum)

ps: saya tertanya-tanya UMNO adalah parti melayu tapi kenapa nama dalam bahasa inggeris?

79.

fbukhary's Gravatar fbukhary

August 7, 2011 at 12:06 am | Permalink

Salam Tun,

Orang-orang yang tertentu itu bukan sahaja telah berjaya menggunakan perang psikologi dan menimbulkan syak wasangka dalam kalangan pemimpin-pemimpin UMNO dan rakyat, malah mereka juga berjaya menggunakan peluang dengan sebaik-baiknya agar apa jua

tindakan atau keputusan menteri-menteri dilihat mementingkan kroni dan menekan rakyat. Laporan-laporan media terutamanya Utusan dan Berita Harian telah berjaya dimanipulasikan supaya sentimen bahawa DS Najib di'serang' puak-puak tertentu dalam UMNO supaya beliau dapat dijatuhkan. Tidak ada satu peluang pun yang di sia-siakan oleh orang-orang yang tertentu ini.

Sekarang, sentimen ini bertiup sangat kuat dalam kalangan rakyat. Apa saja yang dibuat oleh kerajaan adalah tidak betul dalam pemikiran rakyat. Lebih teruk lagi, ramai yang berfikir kerajaan tidak berbuat apa-apa untuk menangani isu-isu semasa seperti isu inflasi yang jelas menekan rakyat. Apa-apa langkah yang diumumkan kerajaan akan dilihat sebagai satu sandiwara.

Tun, izikan saya memberi pendapat di sini. Rakyat Malaysia kelas pertengahan dan bawah sangat tertekan. Banyak masalah yang mengerumuni mereka. Mereka akan menggunakan apa jua medium untuk menyatakan ketidakpuasan hati mereka terhadap kerajaan. Demonstrasi Bersih baru-baru ini adalah platform yang terbaik untuk mereka berbuat demikian.

Baru-baru ini Timbalan Menteri Kewangan bercakap mengenai ketidakseimbangan ekonomi sesuatu bangsa yang mewujudkan kelas-kelas tertentu dalam bangsa itu sendiri. Ini sudah lama berlaku dan sekarang jurang ini bertambah besar. Rakyat kelas pertengahan dan bawah bekerja siang dan malam untuk mencari nafkah. Mereka terpaksa. Ibu-bapa bekerja sehingga lewat malam. Anak-anak dirumah tidak diberi perhatian. Gaji tidak sebesar mana. Bil-bil mahal. Kemungkinan mereka menyalahkan kerajaan. Kemungkinan mereka berpendapat bahawa menteri-menteri adalah kuasa 'feudal' yang baru.

Sebab itulah mereka mudah terpengaruh dengan sentimen dan janji-janji orang-orang tertentu. Mereka tidak ada pilihan.

80.

Oranglama's Gravatar Oranglama

August 6, 2011 at 11:41 pm | Permalink

Salam,

Saya dan juga barangkali kebanyakan orang Melayu lebihutamakan kelangsungan agenda Melayu daripada memikirkan siapa yang bakal menjadi pemimpin. Jadi tak kiralah UMNO atau PAS, asalkan agenda Melayu dan bumiputera lain diutamakan.

1.*****PAS dah berpecah belah*****

La ni PAS dah berpecah dua, satu kumpulan pro-ulama dan satu lagi kumpulan liberal. Baru ini kumpulan pro-ulama kena TKO, habis kena lanyak oleh kumpulan liberal . gila kuasa? Di Selangor, tak habis lawan lanyak melanyak.

Siapa rugi ?Melayu!

Siapa untung? PKR dan DAP.

Yang sebenarnya PKR pun tak untung,yang untung banyak ialah DAP. Wahai Lebai PAS, gunakan akal fikiran kamu dengan sebaiknya, jangan duk nampak UMNO jahat tapi yang share selimut dengan hang pa, lansung tak perasan.

Bila JAIS buat pemantauan terhadap orang Islam di gereja, tiba2 puak liberal melenting kata JAIS macam2. YB Khalid , JAIS nak check orang Islam dimana2 adalah tanggungjawabnya.Tak kira di mesjid atau di gereja atau dimana saja. Hang ni pemimpin PAS atau DAP? PAS la ni tak nampak berjuang untuk Islam dan lebih pentingkan Malaysian Malaysia dari perjuang asalnya yang tersirat dalam falsafah asal partinya. Pejuang hati kekasihnya dalam Pakatan kot. Inilah dia akibat PAS yang dijajahi oleh kumpulan liberal . Tanpa ulama PAS tak ada apa2, cuma bising saja lebih. Yang menjatuhkan ulama PAS ialah orang PAS sendiri juga.

2.***UMNO pun nak berpecah belah juga ke?*****

UMNO kalau nak menang besar PRU pilih calon yang mempunyai potensi untuk menang. Kalau nak kalah teruk, berpecahlah kepada dua team secepat mungkin sebelum PRU , satu team Dato Najib dan satu lagi team Tan Sri Muhyiddin. Lepas itu peringkat Bahagian pula pecah terburai. Kalau berlaku pertukaran Ketua harus dilaksanakan dengan suasana yang ceria supaya rakyat dapat melihat UMNO kuat bersatu padu.

Kalau UMNO berpecah, PAS berpecah, PKR dah bolehkata habis tarikh luput,maka tekalah siapa yang paling untung oh!

Sekarang ini kedua2 Dato Najib dan TanSri Muhyiddin kena bekerja kuat2 bergandingbahu dalam satu kumpulan mengenalpasti siapa calon2 yang boleh menang PRU nanti.

Satu perkara nak bagitau, UMNO masih buat perangai seperti dulu. Aktiviti UMNO masih kurang sambutan penduduk setempat. Yang meramai2 tu, orang sekeliling Ketua Bahagian untuk minta bahagian masing2 kot?

81.

ritz's Gravatar ritz

August 6, 2011 at 11:31 pm | Permalink

Assalamualaikum,we missed you TUN.you gave the right answer.

82.

Nabilfirdausy's Gravatar Nabilfirdausy

August 6, 2011 at 11:12 pm | Permalink

[vimeo]27247033[/vimeo]

<http://vimeo.com/27247033>

83.

may azrina kay's Gravatar may azrina kay

August 6, 2011 at 9:32 pm | Permalink

salam ramadhan ayahanda tun dr mahathir sekeluarga.

84.

Peiseh's Gravatar Peiseh

August 6, 2011 at 8:49 pm | Permalink

Salam bahagia Tun, dan selamat berpuasa.

Desas desus mengenai sesuatu skandal yang sedang berlaku didalam Umno mungkin ada kebenarannya, dan mungkin tidak. Daun tidak akan bergoyang jika tidak adanya angin, bukan?

Dalam keadaan dimana khabar angin semakin memuncak, terasa kekosongan akan sesuatu yang akan menentukan benar atau salahnya khabar angin tersebut.

Kekosongan tersebut adalah kesenyapan Tun dalam perkara tersebut sehingga sekarang.

Mungkin selepas membaca "hujah" Tun disini, ramai puak didua-dua kemah PM and TPM terasa lega seketika apabila mengetahui "the King maker" langsung tidak menyentuh akan siapa yang patut jadi PM dan sebaliknya.

Walau bagaimana pun, ada juga pihak-pihak lain yang berpendapat adanya sedikit kesan atau pengaruh dari Tun yang mengolok-kan keadaan walaupun jika Tun menolak sepenuhnya dakwaan tersebut.

Selain daripada pengaruh Tun (sama ada atau tidak), perlakuan PM dan TPM memang jelas tidak serasi. Rakyat jelata dengan jelasnya dapat melihat akan kontra-nya perbuatan atau hujah diantara PM dengan TPM. Dimana PM melaung-laungkan satu Malaysia, Timbalannya pulak mengutamakan kaum terdahulu sebelum Malaysia. Utk kaum Melayu, ia melambangkan suatu Ketuanan Melayu. Untuk kaum lain, ia merupakan suatu penjajahan yang tidak dapat diterima, lebih-lebih lagi jika dkenangkan zaman-zaman dahulu, dimana secara faktanya ada ketumpahan-nya darah kaum-kaum tersebut di bumi Malaysia semasa pentubuhannya negara ini. Perkara ini selepas diendahkan sebegitu memang menguris hati generasi kaum bukan bumi tersebut. Secara tidak langsung, kita berbincang mengenai klasifikasi kaum masing-masing, and kaum Malaysia. Yang mana kita berkehendakkan? Ini perlu dirungkaikan dengan panjang lebar, tetapi bukan dalam topik ini. Topik ini adalah mengenai keserasian seseorang pemimpin dengan timbalannya, dan kewujudan puak-puak dalam Umno.

Kekal atau jatuhnya seseorang pemimpin adalah daripada tingkah lakunya sendiri. Apa yang sedang berlaku kepada negara ini dan rakyatnya adalah hasil daripada perlakuan atau tidaknya dimasa dahulu.

Memang benar apa yang Tun kitabkan dalam memoir Tun, bahawa ahli politik selepas menyandang posisinya, dan menikmati keselesaan dan mewahnya menjadi ahli politik, mereka tidak akan undur diri walaupun ke-efektifan mereka sebagai wakil rakyat dan jauh meluntur, kerana jikalau mereka mengundurkan diri, mereka akan hilang segala-galanya. Mereka hilang kemegahan, sanjungan, pendapatan, dan layanan khas seorang MP. Justeru, tidak hairan jika mereka terus cekat melakukan apa sahaja yang daya untuk kekal berada diparlimen. Ini termasuk menfitnahkan orang lain, dan menabur prasangka kepada pemimpin dan ahli-ahli lain.

Tun, negara Malaysia ini tidak ada lagi kemegahannya seperti mana semasa Tun memimpin. Apa yang selalu diserat dalam akhbar antarabangsa, semuanya memalukan dan mencerminkan kepada rakyat antarabangsa bahawa Malaysia ini sangat kecoh dan korup. Tun, salahkah jikalau Rakyat

yang ingin memprotes meminta keadilan dan kebersihan dari korupsi ?

Salahkah rakyat yang berada diluar negara itu gagal memperjelaskan kepada kawan-kawannya bahawa apa yang berlaku di Malaysia cuma suatu perolihan politik dan korupsi itu sebenarnya telah disalah taksir?

Tidak kira Melayu dulu atau Malaysia dulu, yang utamanya, negara dulu ! Jangan sebarang kaum berasa ingin mempertikaikannya. Tanpa negara, baik kaum Melayu, Cina ataupun India dan lain-lain, maksud kaum tersebut tidak bermakna lagi. Tiada bingganya kepada apa-apa kaum pun jika Malaysia gagal maju kedepan dan bangkit semula diarena antarabangsa. Tiada megahnya, Umno atau BN atau PKR dapat posisi-kan mereka sebagai parti utama jika negara terus terjerumus ke alam korupsi dan rakyatnya hidup bergelora dengan politik setiap hari.

Saya rasa cukuplah setakat ini. Ketepikan kepentingan masing-masing, dan menumpukan masa dan tenaga kita untuk membangunkan negara Malaysia ini. Jangan jual negara Malaysia dengan memberi ke rakyatan kepada orang asing semata-mata nak menambah undi untuk parti.

Saya juga ingin nak ambil kesempatan ini untuk merayu kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, untuk sudi melihat kepada desas-desus bahawa orang asing dengan sewenang-wenangnya mendapat kerakyatan Malaysia dengan cara yang penuh dengan kontrovesi.

Jangan jual negara kami. Ini tanah lahir dan matinya rakyat Malaysia !

Salam bahagia Tun, dan selamat berpuasa dan istirehat.

85.

rizal8855's Gravatar rizal8855

August 6, 2011 at 8:34 pm | Permalink

Ybhg Tun, pada pendapat saya melayu la ni dok berebut untuk nak jd pemimpin dan masing-masing nk tubuhkan persatuan sendiri (konon-konon nak memperjuangkan melayu mengikut citarasa sendiri). Sepatutnya melayu ni ada satu sahaja bangsa melayu dan seterusnya bersepakat dalam satu persatuan. kalau dah banyak sangat persatuan maka banyaklah perjuangan masing-masing dan juga perbalahan sesama melayu. Melayu sudah sememangnya mempunyai hak yang nyata dalam perlembagaan dan tidak boleh dipertikaikan lagi oleh kaum-kaum lain. Memang susah kalau nak puaskan hati semua pihak sedangkan perkara ini juga berlaku sesama adik beradik dalam satu keluarga yang mana ada juga salah satu darinya tidak berpuas hati terhadap mak pak depa. 1 malaysia adalah satu perubahan yang baik tetapi melayu juga sewajibnya dibantu dan tidak sepatutnya diabaikan sampai bila-bila. wallahualam

86.

musato's Gravatar musato

August 6, 2011 at 5:35 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun.

Saya serender diri dulu la kalau begitu.

Saya bukan orang Tun Mahathir mahupun orang Dato Najib.

He..he..

Terima kasih Tun.

<http://chedet.cc/blog/?p=566>

